



KITA BOLEH MENANG BERSAMA



1 - 15 JANUARI, 2022



PENANG
2030

PERCUMA

BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com



buletinmutiara | ChowKonYeow



chowkonyeow



@ChowKonYeow

Kadar hutang TERENDAH wajar dapat RM5.2 bilion Bajet Pusat

Oleh : SUNARTI YUSOFF

GEORGE TOWN – Pulau Pinang sekali lagi muncul sebagai negeri dengan kadar hutang (baki pinjaman belum selesai) paling rendah berbanding negeri-negeri lain setakat 31 Mac 2021.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa laporan itu telah dibentangkan dalam Mesyuarat Kewangan Negara secara dalam talian yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri pada 6 Mei 2021.

“Pulau Pinang merupakan negeri yang ada pinjaman belum selesai (kepada Kerajaan Persekutuan) paling kurang iaitu hanya RM49.6 juta.

“Kadar ini sangat rendah berbanding negeri-negeri lain yang merekodkan tiga atau empat digit seperti Kedah RM2.6 bilion, Pahang (RM3.2 bilion) dan Selangor (RM1.1 bilion),” katanya semasa sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini 3 Disember lalu.

Walau bagaimanapun, beliau memberitahu bahawa Pulau Pinang menjadi negeri kedua paling rendah dari segi peruntukan diterima dalam Bajet 2022 Kerajaan Persekutuan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan baru-baru ini.

“Pulau Pinang selalu dipinggirkan, dan menjadi negeri yang kedua terendah yang mendapat peruntukan dalam Bajet 2022 Pusat iaitu hanya RM996 juta berbanding negeri-negeri yang menerima sehingga berbilion ringgit.

“Pemberian ini tidak setimpal jika dibandingkan dengan sumbangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara.

“Oleh itu, kita minta agar diberikan sekurang-kurangnya RM5 bilion setiap tahun supaya kita dapat menggunakan peruntukan ini bagi merancakkan lagi pembangunan di Pulau Pinang demi manfaat dan kesejahteraan rakyat jelata.

“Selain itu, pemberian ini juga akan dapat membantu Pulau Pinang mengharungi tempoh ekonomi yang mencabar ini dan juga mengurangkan defisit Kerajaan Negeri,” katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Sementara itu, ketika menjawab Soalan Lisan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, M. Satees pada 30 November 2021, beliau turut menegaskan bahawa jumlah berkaitan adalah wajar sekiranya mengambil kira sumbangan Pulau Pinang kepada KDNK negara iaitu antara 6.7 hingga 6.9 peratus.

“Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan Bajet 2022 berjumlah RM332.1 bilion, dan daripada jumlah itu, RM75.6 bilion diperuntukkan bagi perbelanjaan pembangunan.

“Namun begitu, anggaran peruntukan tahun 2022 yang diluluskan untuk negeri Pulau Pinang hanya berjumlah RM996 juta atau bersamaan dengan 1.3 peratus daripada peruntukan pembangunan.

“Sekiranya dibuat perbandingan secara terus dengan sumbangan KDNK, Pulau Pinang wajar mendapat peruntukan pembangunan berjumlah RM5.2 bilion iaitu perbezaan sebanyak RM4.2 bilion,” ulasnya.

Kon Yeow menyatakan bahawa walaupun keseimbangan pembangunan antara negeri dan wilayah adalah penting, namun Kerajaan Persekutuan

Baki Pinjaman Kerajaan Persekutuan Belum Selesai oleh Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2019, 2020 dan Sehingga 31 Mac 2021

		Tahun 2019	Tahun 2020	Tahun 2021 (Sehingga 31 Mac)
		(RM Juta)		
1.	Johor	222.8	217.2	217.2
2.	Kedah	2,692.5	2,662.1	2,634.4
3.	Kelantan	849.2	854.1	854.3
4.	Melaka	963.7	920.1	919.8
5.	Negeri Sembilan	937.8	937.7	935.7
6.	Pahang	3,233.4	3,232.3	3,243.0
7.	Perak	255.8	175.4	175.4
8.	Perlis	268.0	279.3	281.7
9.	Pulau Pinang	53.8	49.6	49.6
10.	Sabah	2,759.1	2,655.9	2,638.2
11.	Sarawak	2,055.8	1,833.9	1,881.9
12.	Selangor	1,110.4	1,109.7	1,110.2
13.	Terengganu	310.0	280.0	280.8
Jumlah		15,712.2	15,207.2	15,222.2

Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia

BAKI pinjaman Kerajaan Persekutuan belum selesai oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2019, 2020 dan sehingga 31 Mac 2021.

sewajarnya mempertimbangkan peruntukan pembangunan lebih tinggi untuk Pulau Pinang.

“Sebagai negeri industri yang menyumbang kepada KDNK dan eksport, Pulau Pinang memerlukan lebih banyak projek infrastruktur.

“Jadi saya berharap Kerajaan Persekutuan dapat berlaku adil kepada rakyat negeri Pulau Pinang dengan memberikan projek-projek pembangunan lebih daripada RM996 juta bagi tahun 2022,” katanya.



Mesyuarat Kedua Penggal Keempat DUN Pulau Pinang Ke-14: Belanjawan 2022

Tumpu pemulihan sektor pelancongan

GEORGE TOWN — Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberikan tumpuan terhadap pemulihan sektor pelancongan yang menjadi penyumbang kedua terbesar kepada ekonomi negeri sebelum penularan pandemik COVID-19 melalui peruntukan RM50 juta dalam Belanjawan 2022.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa Kerajaan Negeri akan memberikan perhatian kepada aktiviti promosi pelancongan untuk menarik kehadiran pelancong tempatan dan luar negara bagi menjadikan Pulau Pinang destinasi pelancongan utama.

“Kerajaan Negeri akur bahawa sektor pelancongan adalah salah satu sektor yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19.

“Oleh itu, Kerajaan Negeri memberikan tumpuan terhadap pelan pemulihran pelancongan dalam Bajet 2022 untuk

KETUA MENTERI bersama-sama barisan Exco Kerajaan Negeri berjalan keluar dari dewan persidangan sejurus pembentangan Belanjawan Negeri 2022 di sini baru-baru ini.



merancakkan semula industri pelancongan Pulau Pinang sekali gus memuliharkan sektor ini seperti sedia kala,” katanya semasa membentangkan Belanjawan

2022 pada Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 dekat sini 26 November 2021.

Beliau berkata, jumlah peruntukan yang disalurkan adalah merangkumi perbelanjaan bagi projek-projek pembangunan pelancongan, aktiviti promosi

destinasi serta geran kepada anak syarikat negeri dan agensi yang berfungsi sebagai pemangkin pelancongan.

Tambah Kon Yeow, usaha-usaha turut giat dijalankan pada masa ini untuk mempercepatkan pemulihan sektor pelancongan Pulau Pinang termasuk membangunkan ekonomi tempatan dengan menggalakkan perbelanjaan dalam negeri.

“Usaha ini adalah untuk menjenamakan serta memperkenalkan semula ‘Experience Penang Year’ sebagai tema kempen pelancongan bagi tahun-tahun yang akan datang,

“Malah, Penang Global Tourism (PGT) juga akan meneruskan usaha untuk merangsang, mengukuhkan serta menarik perhatian pelancong ke negeri ini bagi memulihkan semula industri pelancongan melalui pelbagai kempen taktikal, pengiklanan dan media,” jelasnya.

RM50 juta teruskan program kebajikan i-Sejahtera

GEORGE TOWN — Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengekalkan peruntukan RM50 juta dalam Belanjawan 2022 bagi meneruskan program-program kebajikan rakyat melalui inisiatif i-Sejahtera.

Perkara itu diumumkan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika membentangkan Belanjawan Pulau Pinang 2022 pada Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 dekat sini 26 November lalu.

“Program i-Sejahtera merupakan program penghargaan yang sangat dekat dengan hati rakyat Pulau Pinang.

“Sumbangan Kerajaan Negeri berbentuk kewangan secara tahunan dan ‘one-off’ diberikan sebagai tanda penghargaan dan keprihatinan kepada rakyat negeri ini yang terdiri daripada warga emas, orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal dan lain-lain.

“Oleh itu, program ini akan diteruskan pada tahun 2022 melalui peruntukan berjumlah RM50 juta,” jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.

Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri juga berusaha untuk meningkatkan pendapatan isi rumah melalui peruntukan RM8.2 juta untuk meneruskan Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES).

“Melalui program ini, setiap ketua isi rumah (KIR) yang memenuhi syarat-syarat kelayakan penerimaan BAES akan dibayar pada kadar RM100 sehingga RM1,300 (maksimum) sebulan.

“Sehingga Ogos 2021, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM4.97 juta yang memberikan manfaat secara bulanan kepada 1,573 KIR,” jelasnya.

Bagi meningkatkan lagi program kebajikan rakyat, Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri sedang merancang untuk mewujudkan satu lagi pejabat operasi Mutiara Foodbank di kawasan Seberang Perai.

“Langkah ini adalah penambahan kepada Ibu Pejabat Mutiara Foodbank yang kini beroperasi di Kompleks Masyarakat Penyayang bagi kawasan pulau.

“Tambah pula, program ini telah menjadi model contoh kepada Kerajaan Persekutuan semasa menujuhan Yayasan Foodbank Malaysia,” ujarnya.

Beliau berkata, sehingga September 2021, sebanyak 1,145 tan metrik makanan telah berjaya diselamatkan dan memberi manfaat kepada 69,553 penerima memerlukan.

“Selain itu, Unit Mutiara Foodbank telah menerima barang kering daripada pelbagai pihak sejak penularan pandemik COVID-19 pada Mac 2020 bernilai RM339,993 sehingga kini yang memanfaatkan seramai 18,090 penerima.

“Penyaluran bantuan ini berupaya meringankan beban kos sara hidup penerima lebih-lebih lagi ketika menghadapi kesan buruk pandemik,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Peruntukan Islam meningkat RM71.13 juta

GEORGE TOWN — Peruntukan bagi pembangunan syiar Islam di negeri Pulau Pinang meningkat kepada RM71.13 juta dalam Belanjawan 2022 Pulau Pinang iaitu peningkatan sebanyak RM6.97 juta berbanding tahun lepas.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa peruntukan tersebut mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memperkasakan syiar Islam di negeri ini.

“Kerajaan Negeri akan terus komited memartabatkan agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan dan memperkasakan syiar Islam di negeri Pulau Pinang.

“Oleh itu, bagi tahun 2022, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sejumlah RM71.13 juta bagi pembangunan agama Islam merangkumi peruntukan mengurus di jabatan-jabatan negeri yang berkaitan hal ehwal agama Islam.

“Peruntukan ini juga termasuk untuk pembangunan masjid, surau, institusi pendidikan Islam serta pelaksanaan program berteraskan Islam,” katanya semasa membentangkan Belanjawan 2022 pada Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 dekat sini pada 26 November lalu.

Tambah Kon Yeow, untuk menjayakan wawasan umat Islam khususnya di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri turut memperuntukkan RM350,000 bagi meneruskan program Gagasan Khaira Ummah 2030 yang dilancarkan pada Ogos tahun lepas.

“Pelan ini merupakan misi pembangunan yang akan merangkumi lima teras utama iaitu Hikmah, Ekonomi, Baiti Jannati, Anak Muda dan Tarbiyah (HEBAT).

“Sebanyak 70 program telah dikenal pasti di bawah program berkaitan dalam induksi yang diadakan pada September 2020 dan lapan sesi jelajah penerangan dijalankan di masjid-masjid seluruh negeri,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi memberitahu bahawa Kerajaan Negeri bersama-sama Kerajaan Persekutuan telah membina dan menaik taraf banyak masjid dan institusi pendidikan Islam di negeri ini.

“Malah, Kerajaan Negeri turut bercadang untuk menjadikan Masjid Terapung Tanjung Bungah sebagai Masjid Daerah bagi Daerah Timur Laut dan kini dalam proses penambahbaikan dari segi prasarana,” ulasnya.



Mesyuarat Kedua Penggal Keempat DUN Pulau Pinang Ke-14



Pengurusan kewangan negeri diiktiraf Ketua Audit Negara

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pulau Pinang berjaya membuktikan amalan pengurusan kewangan yang cekap dan teratur apabila mendapat pengiktirafan daripada Ketua Audit Negara.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa prinsip pengurusan kewangan secara berintegriti melayakkan Pulau Pinang diberi sijil berstatus bersih iaitu Sijil Tanpa Teguran bagi penyata kewangan tahun 2020.

“Walaupun belanjawan Kerajaan Negeri adalah berstatus defisit pada tahun 2020, namun Laporan Ketua Audit

Negara (LKAN) menyatakan bahwa Kerajaan Negeri telah mengutamakan kebaikan rakyat.

“Ini termasuk pelaksanaan projek-projek pembangunan negeri, tiada pengambilan hutan, ansuran hutang dibayar mengikut jadual dan tiada tunggakan, pemutihan data telah dilaksanakan dan perbelanjaan dilakukan secara akauntabiliti serta berintegriti,” katanya semasa sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini 3 Disember lalu.

Pada 1 November 2019, Kon Yeow mengumumkan belanjawan 2020 Negeri Pulau Pinang yang memperuntukkan perbelanjaan sebanyak RM792.66 juta dengan anggaran defisit RM273.5 juta.

Beliau berkata, anggaran defisit tersebut adalah rendah berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM395.69 juta iaitu pengurangan sebanyak 30.88 peratus.

Menurut Kon Yeow, anggaran defisit tahun 2020 berkurang kerana anggaran perbelanjaan mengurus hanya RM792.66 juta berbanding pada 2019 iaitu RM901.19 juta.

Mengulas mengenai prestasi Bajet 2021, beliau berkata bahawa Kerajaan Negeri telah membelanjakan hampir 70 peratus daripada peruntukan mengurus sehingga 31 Disember lalu, sementara projek pembangunan yang dirancang juga sedang giat dilaksanakan.

“Kedua-dua belanja mengurus dan pembangunan dijangka mencapai sasaran yang ditetapkan pada hujung tahun ini,” ujarnya sebagai menjawab soalan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Berangan, Nor Hafizah Othman.

Ketua Menteri jawab isu ‘tabung simpanan’ Kerajaan Negeri

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menjelaskan bahawa simpanan terkumpul negeri pada tahun 2020 adalah berjumlah RM1.82 bilion dan bukannya RM888 juta.

Beliau berkata, jumlah RM888 juta yang dipersoalkan adalah hanya mengambil kira Akaun Hasil Disatukan dan belum mengambil kira Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM933.68 juta pada tahun 2020.

“Saya ingin jelaskan di sini bahawa terdapat sedikit kekeliruan berkaitan penyataan tersebut (yang mana) perbandingan ini tidak dilakukan secara ‘apple to apple’ (dengan izin).

“Oleh itu, adalah ditekankan bahawa simpanan terkumpul negeri hanya berkurang daripada RM2.10 bilion pada tahun 2019 kepada RM1.82 bilion pada tahun 2020.

“Ini bermakna baki di bawah Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2020 hanya berkurang sebanyak RM149.42 juta sahaja berbanding tahun 2018,” katanya dalam Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini 3 Disember lalu.

Penjelasan itu sebagai menjawab soalan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, Lim Guan Eng yang meminta penjelasan berhubung Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM2 bilion pada tahun 2018, namun telah menurun dengan mendadak kepada RM888 juta pada akhir tahun 2020.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa peruntukan di bawah Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2018 adalah berjumlah RM1.97 bilion dan telah meningkat kepada RM2.1 bilion pada akhir tahun 2019 berdasarkan bajet surplus yang berjaya dicapai pada tahun 2019.


Bagaimanapun, tambah beliau, prestasi yang membanggakan berkaitan tidak dapat diteruskan pada tahun 2020.

“Ini adalah kerana, sama seperti Kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri lain, Kerajaan Negeri juga terpaksa bergelut dengan cabaran yang sangat hebat pada tahun 2020 untuk berdepan dengan pandemik COVID-19,” ujarnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Menurut Kon Yeow, perbelanjaan Kerajaan Negeri bagi tahun 2020 adalah tinggi yang mana peruntukan besar telah disediakan di bawah Pakej Bantuan Khas Penang Lawan COVID-19 dengan tujuan untuk terus membantu golongan yang terjejas berikutan penularan pandemik.

Selain itu, beliau menjelaskan bahawa hasil Kerajaan Negeri juga telah berkurangan pada tahun 2020, yang mana hanya RM467.28 juta berjaya dikutip berbanding anggaran

Dana Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, 2018-2020



asal berjumlah RM519.16 juta.

“Oleh yang demikian, Kumpulan Wang Disatukan telah berkurang daripada RM2.1 bilion pada tahun 2019 kepada RM1.82 bilion pada tahun 2020,” ulasnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow turut memaklumkan kepada sekalian anggota Dewan Pulau Pinang mengenai tujuan sebenar diwujudkan Kumpulan Wang Disatukan yang merangkumi Akaun Hasil Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

“Seperti yang semua sedia maklum, Kumpulan Wang Disatukan ini merangkumi Akaun Hasil Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

“Akaun Amanah Disatukan adalah akaun yang ditubuhkan bagi tujuan khusus dan peruntukan yang diterima di dalam akaun tersebut hanya boleh dibelanjakan bagi tujuan khusus tersebut,” jelasnya.

Sehubungan itu, Kon Yeow memberitahu bahawa baki di bawah Akaun Hasil Disatukan sehingga akhir 2020 adalah berjumlah RM887.78 juta dan Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM933.68 juta.

“Kerajaan Negeri juga bersikap terbuka dalam mengisyiharkan baki di dalam Kumpulan Wang Disatukan ini,” ujarnya lagi dalam nada sederhana.

Unjuran defisit demi pulih ekonomi, teruskan program kebaikan rakyat

GEORGE TOWN – Bajet 2022 Pulau Pinang dengan unjuran defisit sebanyak RM449.80 juta adalah demi memastikan pentadbiran Kerajaan Negeri dapat beroperasi secara efisien serta terus melaksanakan program-program pemulihran ekonomi negeri mengikut keperluan rakyat teramai terutama pasca COVID-19.

Demikian penjelasan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow kepada Ketua Pembangkang Pulau Pinang, Dato’ Muhamad Yusoff Mohd. Noor dalam sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini 3 Disember 2021.

Menurut Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi, unjuran defisit itu tidak dapat dielakkan lagi memandangkan anggaran hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2022 yang terhad iaitu kira-kira RM485.42 juta berbanding peruntukan mengurus yang diperlukan pada tahun hadapan.

“Kerajaan Negeri akur terpaksa menampung defisit tahun 2022 ini daripada Hasil Simpanan Terkumpul Negeri (Akaun Hasil Disatukan) yang berbaki sebanyak RM888 juta setakat akhir tahun 2020.

“Namun begitu, Kerajaan Negeri berjanji akan memastikan pengurusan kewangan Kerajaan Negeri dilakukan melalui prinsip ‘Cekap, Akauntabiliti dan Telus’ (CAT) dan mengamalkan langkah-langkah berbelanja secara berhemah untuk meminimumkan defisit ini,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Pun begitu, Kon Yeow memberitahu bahawa pentadbirannya akan mencari alternatif-alternatif baru untuk meningkatkan hasil negeri setelah keadaan ekonomi kembali pulih daripada kesan pandemik COVID-19.

Sebelum itu, Muhamad Yusoff yang juga ADUN Sungai Dua meminta Kon Yeow menjelaskan sebab Bajet 2022 Pulau Pinang diunjurkan defisit agak tinggi iaitu RM449.80 juta, hampir menyamai RM485.42 juta anggaran hasil tahunan kewangan sama.

Beliau turut mengesyorkan pentadbiran Kon Yeow supaya tidak meningkatkan hasil negeri dengan mengenakan kadar cukai yang lebih tinggi hatta membebankan rakyat kebanyakan.



Mesyuarat Kedua Penggal Keempat DUN Pulau Pinang Ke-14



428.61 hektar lagi hutan paya laut diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal

GEORGE TOWN – Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, Phee Boon Poh memberitahu bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang kini dalam usaha untuk mewartakan seluas 428.61 hektar hutan paya laut sebagai Hutan Simpanan Kekal.

Beliau berkata, rancangan pewartaan tersebut adalah membabitkan hutan paya laut di kawasan Air Itam Dalam dan Penaga di Daerah Seberang Perai Utara, Sungai Jawi dekat Juru dalam Daerah Seberang Perai Selatan serta Pulau Betong di Daerah Barat Daya.

Menurut beliau, proses pewartaan tersebut akan dilaksanakan secara berperingkat agar tidak menjelaskan fungsi guna tanah semasa.

“Di bawah Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2030, Kerajaan Negeri sudah meletakkan strategi untuk mewartakan semua kawasan hutan paya laut di negeri ini sebagai Hutan Simpanan Kekal.

“Hutan paya laut merupakan kawasan sensitif alam sekitar yang perlu dijaga



BARISAN kepimpinan Kerajaan Negeri bersama-sama meraikan sambutan hari lahir Phee Boon Poh (tujuh dari kiri) dekat dewan makan DUN di sini baru-baru ini.

kerana ia bukan sahaja berfungsi sebagai benteng pesisiran pantai, malah juga nurseri hidupan marin.

“Selain itu, ia juga mempunyai keupayaan tinggi sebagai penyimpan karbon yang lebih baik berbanding hutan tanah pamah dalam menstabilkan iklim,” katanya semasa sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Keempat

Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini 2 Disember lalu.

Boon Poh menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah mencapai beberapa Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dalam aspek melestarikan alam sekitar termasuk kejayaan mewartakan hutan di Pulau Jerejak seluas 284.84 hektar pada 26 Mac 2020.

“Pewartaan ini amat penting sebagai pencapaian Kerajaan Negeri memandangkan ia Hutan Simpanan Kekal pertama yang diwartakan di bawah Akta Perhutanan Negara untuk tempoh sekurang-kurangnya sejak 20 tahun lalu,” ujarnya.

Tambah beliau, sehingga kini, Pulau Pinang mempunyai seluas 6,568 hektar kawasan berhutan yang diwartakan di bawah perundangan untuk tujuan perlindungan.

“Daripada jumlah ini, seluas 5,366 hektar adalah Hutan Simpanan Kekal yang diwartakan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 dan seluas 1,182 hektar adalah Taman Negara Pulau Pinang.

“(Dan) pada 30 September 2021, seluas 3,640.85 hektar kawasan Hutan Simpanan Kekal diwartakan sebagai Hutan Tadahan Air di bawah akta yang sama,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu.

RM116.47 juta disalur bantu pemain industri

GEORGE TOWN – Sebanyak RM116,473,079 telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada pemain-pemain industri pelancongan di negeri ini yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19 sejak setahun lalu.

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin berkata bahawa jumlah peruntukan tersebut disalurkan melalui pelbagai pakej rangsangan ekonomi termasuk Paket Bantuan Rakyat Pulau Pinang.

“Peruntukan ini telah membantu golongan terkesan dalam sektor pelancongan seperti penarik beca, pemandu pelancong, pemandu bas atau van pelancongan, pengendali sukan air, pengusaha salun kecantikan dan banyak lagi.

“Sebagai makluman, Kerajaan Negeri Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang memperuntukkan sebanyak RM10 juta pinjaman tanpa faedah untuk menyokong perniagaan yang terjejas dalam industri pelancongan dan ekonomi kreatif.

“Malah, Kerajaan Negeri turut memberikan moratorium untuk pinjaman tanpa faedah, bil air, cukai petak, cukai tanah, cukai pintu dan fi lesen perniagaan kepada pemain-pemain industri pelancongan di negeri ini.

“Saya percaya inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan ini dapat mengurangkan beban kewangan dan membantu aliran tunai bagi mereka yang terlibat,” katanya semasa sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini baru-baru ini.

“Oleh itu, Kerajaan Negeri terus mengkaji sama ada kutipan fi hotel akan dikecualikan atau tidak berdasarkan situasi semasa,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong.



YEOH Soon Hin.

Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini baru-baru ini.

Tambah Soon Hin, Kerajaan Negeri juga akan mengkaji sama ada mahu meneruskan pengecualian fi hotel yang diumumkan sejak bulan Jun 2020 sehingga Disember 2021 dalam usaha menyokong proses pemulihan sektor pelancongan.

“Fi hotel merupakan salah satu sumber yang penting untuk membantu pembangunan dan pemasaran sektor pelancongan.

“Oleh itu, Kerajaan Negeri terus mengkaji sama ada kutipan fi hotel akan dikecualikan atau tidak berdasarkan situasi semasa,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong.

3,662 usahawan terima manfaat Skim Pinjaman Harapan

GEORGE TOWN – Seramai 3,662 usahawan tempatan telah menerima manfaat daripada bantuan Skim Pinjaman Harapan (SPH) sejak diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2009 sehingga Oktober 2021.

Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato’ Abdul Halim Hussain memberitahu bahawa angka tersebut adalah membabitkan nilai pinjaman berjumlah RM20.37 juta.

“Pada tahun 2020 sehingga Oktober 2021 pula, seramai 273 permohonan diterima dengan jumlah pinjaman telah diluluskan adalah sebanyak RM1.72 juta membabitkan 195 usahawan.

“Bagi tatacara pemilihan pula, pasukan SPH akan menjalankan siasatan dan lawatan kepada semua pemohon sebelum meluluskan pinjaman dengan kadar kutipan yang memberangsangkan,” katanya semasa sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini baru-baru ini.

Mengulas mengenai cadangan agar bantuan SPH turut disalurkan kepada penjaja kecil yang tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Abdul Halim berkata bahawa Kerajaan Negeri belum mempunyai perancangan mengenai perkara tersebut.



ABDUL HALIM HUSSAIN.

“Setakat ini, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) tidak berhasrat untuk memberi pinjaman kepada penjaja kecil yang tidak berdaftar.

“Ini kerana syarat wajib bagi pinjaman bantuan SPH adalah berdaftar dengan SSM dan sekiranya ia diberikan kepada penjaja kecil tidak berdaftar, maka secara tidak langsung akan menambahkan lagi sokongan kepada perniagaan secara tidak sah,” jelasnya.

Terdahulu, dalam pembentangan Belanjawan Pulau Pinang 2022, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi meneruskan bantuan SPH.

Jumlah pinjaman yang diberikan melalui skim tersebut adalah antara RM1,000 sehingga RM25,000 dan dibayar balik dalam jangka masa antara satu hingga tiga tahun.



Mesyuarat Kedua Penggal Keempat DUN Pulau Pinang Ke-14



Exco persoal layanan 'dwistandard'

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri mempersoalkan layanan dwistandard yang diterima susulan pembatalan kelulusan penilaian impak alam sekitar (EIA) bagi projek tambakan laut di selatan pulau Pulau Pinang (PSR) oleh Lembaga Rayuan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari berkata demikian sebagai respons terhadap soalan tambahan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, H'ng Mooi Lye yang bertanyakan mengenai kesukaran Pulau Pinang dalam melaksanakan projek PSR berbanding negeri-negeri lain di negara ini.

“Kerajaan Negeri amat hairan kenapa projek PSR ‘dimangsakan’ walhal jika dibandingkan dengan projek tambakan berskala mega di negeri-negeri lain seperti Johor dan Melaka, projek ini tidaklah begitu besar.

“Malah alasan yang diberikan dalam pembatalan tersebut (untuk mengetepikan kelulusan EIA) sebenarnya tidak boleh diterima langsung.

“Hakikatnya, projek PSR telahpun diluluskan dan memenuhi semua kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling, maka keputusan tersebut dianggap sebagai satu ketidakadilan kepada negeri Pulau Pinang.

“Sebenarnya, Kerajaan Negeri tidak mempertikai...sebaliknya yakin proses perundungan di negara ini, cuma yang menjadi persoalan adalah layanan dwistandard dan pemangsaan yang

berlaku terhadap Pulau Pinang,” ujar ADUN Tanjung Bunga itu pada sesi Soalan Lisan Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini baru-baru ini.

Terdahulu, Zairil ketika menjawab soalan lisan oleh ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik memaklumkan bahawa Lembaga Rayuan yang bersidang pada 6 hingga 8 September 2021 telah memutuskan laporan EIA bagi projek PSR yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling pada 25 Jun 2019 diketepikan.

Difahamkan, keputusan tersebut adalah kerana kelulusan telah diberikan sebelum Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 digazetkan dan berkuat kuasa.

“JAS memaklumkan sekiranya Kerajaan Negeri berhasrat meneruskan projek ini, laporan EIA yang baru dengan data terkini hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan lanjut.

“(Dan) Kerajaan Negeri akan mengemukakan semula laporan EIA ini serta penyediaan dijangka mengambil masa sekurang-kurangnya sembilan bulan.

“Pada masa sama, Kerajaan Negeri juga akan memohon semakan semula kehakiman kerana implikasi pembatalan tersebut telah mengganggu perancangan awal dalam memulakan kerja-kerja penambakan yang sepatutnya bermula pada penghujung tahun ini,” jelasnya yang yakin dengan integriti laporan terdahulu



ZAIRIL KHIR JOHARI.

walaupun diketepikan atas sebab teknikal.

Mengulas mengenai tanggungan kos sekiranya projek PSR tidak mendapat kelulusan, Zairil berkata pihaknya akan berbincang secara terperinci mengenai bayaran balik kos-kos yang dibelanjakan oleh pihak Rakan Pelaksana Projek (PDP) iaitu SRS Consortium berdasarkan ‘PDP Master Agreement’.

“Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri yakin bahawa kelulusan projek tambakan PSR ini akan diperoleh,” katanya.

Dalam sesi sama, Zairil turut menjawab soalan tambahan daripada ADUN Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin yang membangkitkan isu risiko kemungkinan projek PSR ini tidak akan dilaksanakan langsung sekiranya laporan baru dikemukakan semula kelak.

“Laporan baru yang akan dikemukakan itu hampir sama dengan yang dikemukakan sebelum ini cuma perbezaannya adalah daripada segi turutan pelaksanaan projek.

“Kelulusan EIA yang awal, turutannya adalah membina Pulau B dahulu, tetapi Kerajaan Negeri beranggapan bahawa Pulau A akan dibina terlebih dahulu memandangkan ia lebih penting sebagai kawasan perindustrian baru bagi menampung kawasan perindustrian di Bayan Lepas dan Batu Kawan,” jelasnya yang yakin sekiranya diluluskan maka projek PSR dapat dimulakan pada penghujung tahun 2022.

Choon Aik dalam sesi sama turut membangkitkan persoalan sama ada Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan untuk melaksanakan projek laluan transit aliran ringan (LRT) sementara menunggu keputusan projek PSR.

“Buat masa ini, Kerajaan Negeri sedang mengkaji kemungkinan untuk memanggil Permintaan Untuk Cadangan (RFP) bagi menjemput syarikat yang berminat untuk membina LRT Bayan Lepas.

“(Dan) pada masa sama, memberi peluang kepada mereka untuk menawarkan reka bentuk yang sesuai yang boleh dipertimbangkan bagi projek LRT berkenaan,” katanya.

Sebagai rekod, projek LRT Bayan Lepas merupakan salah satu komponen utama di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang yang mana turut merangkumi komponen projek lebuh raya Pan Island Link (PIL1 dan PIL2) serta projek PSR.

Projek RTB Lembangan Sungai Pinang jangka mula Mei 2022

PADANG KOTA – Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Pinang yang tertangguh sebelum ini akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bakal dimulakan pada bulan Mei 2022.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari ketika menjawab Soalan Lisan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim dalam Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini baru-baru ini.

Menurut Zairil, Pakej 1 bagi projek RTB Lembangan Sungai Pinang berkaitan dijangka bermula pada bulan Mei 2022 dan siap pada bulan Mei 2026.

“Mesyuarat penyelarasan bersama-sama pemegang taruh telah diadakan pada 12 November 2021 bagi membincangkan keperluan dan syarat-syarat daripada semua jabatan dan agensi yang berkaitan,” katanya yang juga ADUN Tanjung Bunga.

Dalam perkembangan berkaitan, Zairil turut menjawab soalan daripada ADUN Sungai Dua merangkap Ketua Pembangkang, Dato' Muhamad Yusoff Mohd. Noor berhubung status terkini projek RTB di bawah Kerajaan Negeri.

“Terdapat 10 projek tebatan banjir utama di bawah Kerajaan Negeri yang telah siap, dalam pembinaan, proses mereka bentuk serta proses panggilan tender.

“Antara RTB yang telah siap adalah di Mak Mandin; Parit 4 dan Parit 5 (di daerah Seberang Perai Tengah).

“Sementara itu, projek tebatan banjir di Taman Iping Batu Maung telah mencecah 99 peratus siap, manakala di Bayan Baru pula 89 peratus siap.

“Bagi Projek Pembinaan Kolam Takungan Banjir Alma, sebanyak 37 peratus komponen siap manakala RTB Kampung Naran, Sungai Tiram pula baru bermula tujuh peratus.

“Dua lagi projek tebatan banjir di Solok Van Praagh dan Pokok Assam, Jelutong masih dalam proses panggilan tender,” jelasnya.

Projek DISC budayakan kerja secara digital

PADANG KOTA – Pihak Digital Penang kini sedang memproses penilaian tender bagi merealisasikan projek Digital Integrated Service Centre (DISC).

Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari berkata bahawa DISC bakal menjadi aplikasi yang digunakan di setiap pusat khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang dalam melaksanakan pendaftaran secara digital.

“Pendaftaran menggunakan DISC akan dihubungkan terus ke pelbagai aplikasi Kerajaan Negeri lain seperti i-Sejahtera dan e-Rumah, serta mengesan dan menyusuli kes-kes dalam tindakan.

“Projek ini dijangka membantu membudayakan cara bekerja secara digital yang mana pengurusan maklumat dapat diselia dengan lebih efisien dan teratur.

“Di samping itu, ia juga akan mengurangkan pengurusan manual oleh pegawai-pegawai pusat khidmat dan ini akan membantu mereka memberi perkhidmatan yang lebih cekap serta nilai tambah,” ujarnya

dalam sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini baru-baru ini.

Mengulas perkembangan berkaitan, Zairil memaklumkan bahawa pelaksanaan 5G akan bermula pada suku pertama tahun 2022 melibatkan 151 lokasi yang telah dikenal pasti di kawasan pulau sebagai langkah memperkasakan lagi digital Pulau Pinang.

“Namun demikian, Kerajaan Negeri sedang mengadakan perbincangan dengan pihak Digital Nasional Berhad (DNB), iaitu agensi pelaksana Kerajaan Persekutuan untuk turut melaksanakan 5G di kawasan Seberang Perai dan perbincangan masih lagi berjalan.

“Kerajaan Negeri turut dimaklumkan bahawa fasa pertama pelaksanaan 5G di Pulau Pinang adalah melibatkan kawasan George Town.

“Sudah semestinya penekanan akan diberikan oleh Kerajaan Negeri agar kemudahan 5G ini turut disediakan di kawasan Komtar memandangkan kedudukannya sebagai tapak pentadbiran negeri Pulau Pinang,” maklum ADUN Tanjung Bunga itu lagi.



Mesyuarat Kedua Penggal Keempat DUN Pulau Pinang Ke-14



PACE bantu atlet capai kecemerlangan pendidikan dan kerjaya

GEORGE TOWN – Seramai 107 atlet negeri ini menerima bantuan pendidikan melalui program *Penang Athlete Career & Education* (PACE) yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri mulai 1 Ogos 2020.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berkata bahawa program PACE diperkenalkan bagi membantu dan menyokong kejayaan atlet negeri Pulau Pinang secara holistik ke arah mencapai kecemerlangan pendidikan, kerjaya dan kebajikan.

“Program ini menawarkan dua jenis bantuan merangkumi Bantuan Insentif Pendidikan dan Bantuan Biasiswa Sukan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang kepada atlet yang pernah mewakili negeri dalam temasya Sukan Malaysia (SUKMA).

“Bagi Bantuan Insentif Pendidikan secara ‘one-off’, seramai 47 atlet telah menerima manfaat melalui peruntukan berjumlah RM42,300.

“Sementara itu, Bantuan Biasiswa Sukan pula berjaya membantu seramai 31 atlet negeri dengan peruntukan berjumlah RM140,900 setakat 30 November lalu,” katanya semasa sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini 1 Disember 2021.

Selain itu, Lip Chee yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal memberitahu bahawa PACE turut melancarkan satu lagi bantuan tambahan pendidikan berbentuk insentif galakan kepada

atlet yang mendapat keputusan 5A dan ke atas dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada 8 November lalu.

“Melalui insentif ini, atlet yang layak akan menerima RM50 bagi setiap ‘A’ yang diperoleh sementara atlet yang memperoleh dua ‘A’ dan ke atas dalam Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) akan menerima RM100 bagi setiap ‘A’.

“Seramai 25 atlet layak menerima Insentif Galakan SPM manakala bagi STPM pula adalah seramai dua orang dengan jumlah peruntukan sebanyak RM9,550,” jelasnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata PACE juga menyediakan Bantuan Skim Kebajikan Atlet Negeri (SKAN) khusus bagi menjaga



SOON Lip Chee (kiri) mengadakan perbincangan dengan Penasihat Undang-undang Negeri, Dato' Norazmi Mohd. Narawi di luar dewan persidangan DUN baru-baru ini.

kebajikan atlet negeri secara ‘one-off’.

“Skim ini disalurkan melalui bantuan khairat kematian, rawatan penyakit, bantuan kos pembedahan dan bantuan bencana alam.

“Sehingga kini, seramai dua orang atlet negeri telah menerima bantuan melalui kos pembedahan dengan peruntukan sebanyak RM40,000,” ujarnya.

TWOAS pastikan 30% perwakilan wanita peringkat pembuat dasar

GEORGE TOWN – Inisiatif *Top Up Women Additional Seat* (TWOAS) atau Kerusi Tambahan Untuk Wanita Sahaja diterima baik oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) baik daripada pihak kerajaan maupun pembangkang.

Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng berkata bahawa inisiatif tersebut telah diperkenalkan pada tahun 2020 susulan pelaksanaan dasar 30 peratus kuota perwakilan wanita dalam Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) serta jabatan dan agensi kerajaan negeri.

“Matlamatnya adalah bagi memastikan terdapat sekurang-kurangnya 30 peratus partisipasi atau perwakilan wanita di peringkat pembuat dasar demi menjamin kesejahteraan semua rakyat di negeri ini.

“Saya memberi jaminan bahawa pelaksanaan TWOAS tidak akan menjadi titik permulaan terhakisnya demokrasi kerana ia bukan ‘tiket percuma’ untuk melibatkan diri pada peringkat Dewan Undangan Negeri.

“Sebaliknya, inisiatif ini akan menghalang terjadinya penyalahgunaan sistem seperti Sistem Perwakilan Berkadar dengan ‘Party List’ (Senarai Parti) yang dilaksanakan di negara-negara seperti Jerman, Taiwan dan New Zealand.

“Justeru, calon TWOAS juga dipilih oleh rakyat secara tidak langsung dan merupakan proses demokrasi yang

neutral,” ujarnya pada sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini baru-baru ini.

Pada sesi sama, Chong Eng yang juga ADUN Padang Lalang turut menzahirkan penghargaan kepada ADUN Jawi, H'ng Mooi Lye; ADUN Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid; ADUN Permata Berangan, Nor Hafizah Othman (BN); ADUN Bagan Dalam, M. Satees; ADUN Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail; ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik dan ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim kerana menunjukkan sokongan terhadap inisiatif TWOAS.

“Mereka juga menyeru agar semua parti politik mengemukakan sekurang-kurangnya 30 peratus calon wanita pada pilihan raya akan datang.

“(Dan) saya amat sokong cadangan tersebut,” tegasnya yang yakin bahawa TWOAS mampu menambah baik sistem pilihan raya sedia ada.

Difahamkan, pemilihan calon TWOAS adalah daripada senarai calon yang dikemukakan oleh parti politik kepada pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Mengulas lanjut, Chong Eng memaklumkan bahawa pada peringkat kini, jawatankuasa kerja TWOAS telah menghasilkan satu Kertas Putih untuk diedarkan kepada semua ADUN.

“Dokumen (Kertas Putih) ini mengandungi penjelasan terperinci mengenai kaedah pelaksanaan TWOAS dan kebaikannya secara mendalam.



CHONG Eng.

“Saya berharap ADUN-ADUN dapat membaca kertas putih ini dan memberi sepenuh sokongan terhadap inisiatif ini.

“Orang ramai yang ingin mendapatkan sesalinan Kertas Putih TWOAS, boleh layari laman sesawang Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) di <http://pwdc.org.my>.

“(Dan) saya juga mengalui-alukan cadangan yang dikemukakan oleh Dr. Afif Bahardin (ADUN Seberang Jaya-Bersatu) supaya mengambil kira kumpulan minoriti dalam TWOAS,” katanya.

Sementara itu, cadangan daripada ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen agar diadakan sesi khas persidangan bagi membincangkan hal ehwal berkaitan wanita dan keluarga turut disambut baik oleh Chong Eng.

Terdahulu, selain TWOAS, Kerajaan Negeri melalui PWDC juga memperkenalkan Dasar Keterangkuman Gender pada 2019 sebagai usaha memupuk amalan keterangkuman gender. Turut dilaksanakan adalah penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) yang telah membuka peluang kepada lebih 600 wanita menganggotai jawatankuasa itu dan Sidang Wanita Pulau Pinang.

Jawatankuasa khas bantu kanak-kanak yatim akibat COVID-19

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pulau Pinang menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi membantu kanak-kanak di negeri ini yang kehilangan ibu atau bapa akibat pandemik COVID-19 khususnya dalam aspek kebajikan dan kesihatan mental.

Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin berkata bahawa sebanyak dua keluarga di negeri ini telah kehilangan kedua-dua ibu bapa akibat COVID-19.

Beliau berkata, sehingga 23 November 2021, seramai 299 kanak-kanak lagi telah kehilangan ibu atau bapa membabitkan 224 orang kaum Melayu diikuti Cina (47), India (24) dan lain-lain (4).

“Semua mereka dijaga oleh sama ada ibu (187), bapa (71) atau saudara-mara (41) dan telah dibantu serta dipantau rapi oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

“Susulan itu juga, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan mewujudkan satu jawatankuasa khas untuk membantu kanak-kanak ini dari segi kesihatan mental dan kebajikan mereka,” katanya semasa menjawab Soalan Lisan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong dalam Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini 26 November lalu.

Selain itu, Norlela menjelaskan bahawa sebanyak RM111,000 sumbangan daripada Tabung COVID-19 Pulau Pinang telah disalurkan kepada 111 pelajar yatim yang kehilangan ibu atau bapa akibat jangkitan wabak berkaitan membabitkan kategori B40 dari 21 sekolah di negeri ini,” ujarnya.



Mesyuarat Kedua Penggal Keempat DUN Pulau Pinang Ke-14

Kadar pengangguran Pulau Pinang turun

GEORGE TOWN — Kadar pengangguran di Pulau Pinang menunjukkan pola penurunan sebanyak 0.2 peratus dan mencatat nilai 3.7 peratus pada suku ketiga tahun 2021.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy berkata bahawa bilangan penganggur di negeri ini juga menurun sebanyak 0.1 peratus iaitu daripada 37,200 orang pada suku kedua tahun 2021 kepada 34,000 orang pada suku ketiga tahun yang sama.

“Keputusan kerajaan membuka sektor-sektor ekonomi untuk beroperasi mengikut peralihan fasa Pelan Pemuliharaan Negara (PPN) telah melonjakkan semula peluang pekerjaan dan merancakkan ekonomi.

“Tidak dilupakan juga usaha Kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam pemberian vaksin kepada penduduk Pulau Pinang yang merupakan langkah penting dalam

menurunkan kes COVID-19.

“Namun begitu, kita tidak boleh mengambil mudah terhadap kelonggaran yang diberikan kerana wabak ini masih mengelilingi kita.

“Sebarang ketidakpatuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) boleh memburukkan keadaan serta mempengaruhi pasaran tenaga kerja di negeri ini,” katanya dalam sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Ramasamy maklumkan bahawa sehingga 26 November lalu, terdapat 19,392 peluang pekerjaan ditawarkan di Pulau Pinang berdasarkan portal *MyFutureJobs*.

“Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu rakyat Pulau Pinang yang kehilangan

kerja antaranya menerusi Pusat Bantuan Kerjaya dan Bakat Pulau Pinang (Pusat CAT).

“Pusat CAT berfungsi melaksanakan pemadanan kerja secara berkumpulan untuk membantu pencari kerja mendapatkan jawatan bersesuaian apabila menerima permintaan daripada majikan/syarikat.

“Selain itu, pusat ini juga akan mendapatkan maklumat tentang jenis pekerjaan untuk syarikat yang mengalami penutupan,” jelasnya sebagai menjawab soalan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, A. Kumaresan mengenai pengisian sektor pekerjaan di negeri ini.

Tambah beliau, jangkuan kepada agensi-agensi pekerjaan lain secara proaktif turut dilaksanakan oleh Pusat CAT.

“Ini termasuk kerjasama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial

(Perkeso) dalam membantu pencari kerja melalui program-program seperti latihan, kaunseling, insentif kewangan dan lain-lain,” jelasnya yang juga Exco Pembangunan Modal Insan, Pendidikan, Sains & Teknologi.

Mengulas mengenai cadangan agar orang kurang upaya (OKU) turut diberikan penekanan dalam mendapatkan peluang pekerjaan, Ramasamy menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah memperkenalkan program ‘Job Coaching’ dan ‘Disability Equality Training’ bagi tujuan itu.

Beliau memberitahu bahawa program tersebut adalah melibatkan kerjasama antara Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan agensi-agensi lain seperti Jabatan Tenaga Kerja, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) dan majikan-majikan yang berpotensi untuk mengambil OKU sebagai tenaga kerja.

Tajaan anak asnaf cemerlang ditingkatkan, ex-gratia guru KAFA disemak

GEORGE TOWN — Zakat Pulau Pinang (ZPP) sedang dalam perancangan untuk menaja lebih ramai anak-anak asnaf cemerlang (*top achievers*) yang ingin mencebur ke bidang-bidang kritikal bagi menembusi pasaran pekerjaan khususnya di negeri ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata bahawa ZPP telah bersetuju untuk menaja lima pelajar asnaf yang cemerlang setiap tahun.

“Bagi tahun 2022 pula, ZPP bakal meneroka bidang-bidang kritikal lain untuk anak-anak asnaf cemerlang menggunakan penajaan menerusi dana zakat.

“Sebagai makluman juga, sebanyak RM11 juta diperuntukkan selama setahun bertujuan untuk dermasiswa kepada anak-anak Muslim Pulau Pinang, khususnya ‘top achievers’ yang melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi sama ada (di) dalam atau luar negara.

“Di samping itu, skim bantuan perubatan serta pembedahan mengikut kos dan keperluan asnaf diberikan dengan jumlah maksimum sebanyak RM10,000,” ujar Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti itu semasa sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Ahmad Zakiyuddin memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mempertimbangkan untuk menyemak semula bayaran *ex-gratia* kepada guru-guru KAFA.

“Bayaran guru KAFA di Pulau Pinang merupakan yang terendah (RM50) sekiranya dibandingkan dengan eluan tambahan disediakan oleh negeri-negeri lain,” jelasnya yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal.



IR. AHMAD ZAKIYUDDIN ABDUL RAHMAN

Dalam pada itu, beliau turut menyatakan bahawa Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) turut memberi fokus kepada golongan belia untuk menyertai program KAFA Menengah.

“Program KAFA Pulau Pinang akan mula beroperasi sepenuhnya pada tahun hadapan dengan melibatkan lebih 500 remaja belia yang masih bersekolah.

“(Program ini) bakal melibatkan 13 masjid iaitu pertambahan 10 masjid baharu berbanding kini,” ulasnya.

Bercakap mengenai projek perumahan yang ingin diusahakan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Ahmad Zakiyuddin memberitahu bahawa projek tersebut juga bakal memberi keutamaan kepada golongan asnaf serta golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus paling rendah (B40).

“Sehingga kini, ZPP dan Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd. (WPPSB) telah membangunkan lebih 600 unit rumah untuk komuniti Islam di negeri ini.

“Malah, projek pembangunan rumah kos rendah untuk golongan asnaf di Wakaf Seetee Aisah (Fasa 2) 150 unit turut dilaksanakan oleh MAINPP,” ujarnya.

Kenal pasti tanah untuk RMM liputi semua daerah

GEORGE TOWN — Kerajaan Negeri akan terus mengenal pasti lokasi sesuai serta mempunyai permintaan untuk projek pembinaan Rumah Mampu Milik (RMM) yang diperlukan oleh rakyat teramai.

Mengulas lanjut, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa langkah itu adalah demi memastikan projek RMM dibina membabitkan kelima-kelima daerah di negeri ini.

“Pada masa sama, kesediaan pemilik tanah atau pemaju untuk membina RMM di satu-satu kawasan akan dibantu (oleh) Kerajaan Negeri,” jelasnya dalam sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini pada 2 Disember 2021.

Penjelasan itu adalah sebagai menjawab isu dibangkitkan ADUN Sungai Dua, Dato' Muhammad Yusoff Mohd. Noor yang juga Ketua Pembangkang Pulau Pinang.

Menurut Muhammad Yusoff, unit kediaman yang biasa dibina oleh pemaju dalam jumlah kecil menyebabkan syarat 30 peratus unit kediaman kos rendah dan sederhana rendah berkenaan tidak dapat dikenakan.

Sehubungan itu, tambah beliau, ia mengakibatkan agihan RMM seakan-akan tidak saksama di daerah tertentu terutama di bahagian Seberang Perai.

Menjawab isu tersebut, Jagdeep memberitahu Muhammad Yusoff bahawa agihan RMM yang saksama

di semua daerah, Parlimen bahkan Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) merupakan permintaan serta situasi yang ideal.

“Melalui dasar penyediaan rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah, pemaju yang membangunkan unit kediaman bukan mampu milik mencecah 150 unit, akan disyaratkan untuk membina sebanyak 30 peratus kandungan RMM Jenis B.

“Kegagalan membina secara fizikal RMM Jenis B ini akan dikenakan bayaran sumbangan pada kadar RM120,000 (terhadap) pemaju Pulau Pinang, dan RM150,000 (terhadap) pemaju luar (sekali gus) membuktikan ketegasan Kerajaan Negeri,” jelasnya.

Beliau dalam pada itu turut menjelaskan bahawa jumlah sumbangan wang kerana tidak membina secara fizikal RMM Jenis A dan B yang telah dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Pelbagai PAKR sehingga 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM216.9 juta (RM216,865,023).

Dalam perkembangan berkaitan, Jagdeep yang juga ADUN Datuk Keramat turut menjelaskan bahawa sejak tahun 2008 hingga kini, jumlah pembekalan RMM di Pulau Pinang adalah sebanyak 126,816 unit merangkumi 39,190 unit telah siap dibina, dalam proses pembinaan (19,640 unit) dan masih dalam peringkat perancangan atau Kebenaran Merancang (68,986 unit).

Razlan, Li Ying



SOON Lip Chee (bertali leher merah) merakam gambar kenangan bersama-sama barisan penerima anugerah pada penganjuran *Penang Excellence Awards 2021* baru-baru ini.

RAZLAN **RAJAN** **ABDULLAH** baru-baru ini dianugerahkan sebagai Jurulatih Lelaki Terbaik Negeri dalam acara *Penang Excellence Awards 2021*.

Pada majlis sama dianjurkan oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), jurulatih sukan judo, **CHEW LI YING** turut dipilih menerima anugerah sebagai Jurulatih Wanita Terbaik Negeri.

Masing-masing mendapat sijil anugerah serta hadiah dalam bentuk sijil simpanan premium Bank Simpanan Nasional bernilai RM1,000, yang disampaikan sendiri oleh Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee.

Dalam satu wawancara, Razlan Rajan memberitahu bahawa beliau mengabdikan diri sebagai jurulatih badminton kira-kira 15 tahun.

Berusia 62 tahun, beliau memberitahu Buletin Mutiara

RAZLAN Rajan Abdullah menunjukkan anugerah yang diterima.

bahawa kini masing-masing 16 pemain lelaki dan wanita giat menjalani latihan intensif demi merebut kejuaraan dalam Sukan Malaysia (SUKMA) Johor tahun 2022.

“Selain itu, seramai 60 atlet juga berada pada peringkat pelapis berusia antara 12 hingga 16 tahun untuk persiapan sebagai pemain remaja,” jelasnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** baru-baru ini.

Tambah beliau, pencapaian bekas pelatihnya, Yeoh Seng Zoe juga agak memberangsangkan apabila muncul sebagai juara Kejohanan Badminton Terbuka Ireland pada 21 November lepas.

Bagi yang mengikuti sukan badminton negara, nama Razlan Rajan bukan asing kerana beliau sendiri pernah mewakili Malaysia dalam Kejohanan Asian Inter Port suatu masa dahulu.

Berbekalkan pengalaman sebagai pemain dan jurulatih berpengalaman, ketika ditanya lanjut, beliau memberitahu b a h a w a t u g a s

kejurulatihan bukan mudah kerana senantiasa dihimpit dengan prestasi para atlet di bawah bimbingannya.

“Kita ada banyak aspek untuk diberi perhatian seperti ketahanan stamina, kemampuan fizikal termasuk kekuatan mental sewaktu berada dalam gelanggang,” ujarnya yang kini menetap di Butterworth.

Bercerita lanjut, Razlan Rajan memberitahu bahawa karier sebagai jurulatih beliau adalah bermula sejak bersama-sama Persatuan Badminton Pulau Pinang (PBA) serta mengadakan kolaborasi dengan MSNPP bagi mempersiapkan bakat-bakat baharu.

Seperti di Pulau Pinang, menurut beliau, pusat latihan utama seperti di Bukit Dumbar, Kampung Buah Pala, Berapit dan Butterworth sendiri adalah umpama ‘kilang’ ke arah melahirkan bintang baharu dalam arena sukan badminton.

Mengakhiri perbualan, Razlan Rajan berharap lebih ramai lagi jaguh seperti Dato’ (Dr.) Lee Chong Wei dan Ong Ewe Hock dapat dilahirkan di Pulau Pinang ini.

“Saya berharap akan muncul lebih ramai jaguh bagi mengulangi pencapaian para atlet terdahulu.

“Jaguh-jaguh ini boleh dijadikan sumber inspirasi buat atlet baharu,” ulasnya sambil menyatakan bahawa beliau turut meminati sukan bola tampar dan ping pong sebagai hobi.

Dalam wawancara berasingan, Li Ying, 34, menyatakan bahawa beliau sudah bergelumang dalam sukan aksi tempur dari negara Jepun berkaitan selama 16 tahun.

Sudah 13 tahun menjadi jurulatih, dalam nada sederhana, Li Ying turut memberitahu bahawa segala kejayaan yang dikehapi selama ini mempunyai kaitan erat dengan prestasi para pelatih di bawah bimbingannya juga.

Di samping itu, beliau turut memuji kegigihan para pelatihnya menjalani latihan sepanjang tempoh pandemik sebelum ini.

“Tempoh pandemik ini bukanlah sesuatu yang mudah bagi kami untuk berlatih, berikutan sukan judo adalah sukan bersentuhan dan tidak dapat berlatih secara bersemuka.

“Namun, ia tidak menjadi penghalang untuk pelajar-pelajar saya menjalani latihan asas di rumah, mereka komited setiap kali sesi latihan dijalankan iaitu sebanyak empat hingga enam kali seminggu,” jelasnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** baru-baru ini.

Menurut beliau, sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), sesi latihan judo dijalankan secara maya.

“Walaupun sukan judo bukan sukan popular seperti bola sepak dan badminton, namun pada temasya SUKMA Perak 2018, skuad judo berjaya menuai enam emas menerusi Kategori Kata dan Tempur,” ujarnya sambil memberitahu bahawa pencapaian itu adalah sumbu inspirasi buat beliau dan para pelatihnya.

Bercakap mengenai judo, Li Ying menyatakan bahawa sukan itu umumnya memerlukan latihan teknik yang tepat sekiranya seseorang atlet mahu menguasai gelanggang.

“Ramai yang menganggap sukan judo ini sukar untuk diperaktikkan, sebaliknya



komited lahirkan bintang baru

ia lebih mudah jika para pelajar mempelajari teknik serta kemahiran yang betul.

"Walaupun sukan tersebut agak lasak, keluarga tetap menyokong dan menghormati minat saya, pernah juga saya mengalami kecederaan di bahagian lutut (ACL) dan menjalani pembedahan, tetapi ia tidak mematahkan semangat saya untuk terus bergiat aktif," tambahnya yang bertanding hingga ke peringkat Sukan SEA sebelum ini.

Berbekalkan pengalaman serta semangat untuk memajukan sukan itu di negeri ini, beliau tidak menafikan bahawa masih memerlukan lebih ramai bakat baharu untuk dilatih secara profesional.

"Untuk mencari individu yang berminat memasuki pertandingan memang sukar, yang datang (ke Budoka Academy di Vantage Tanjung Tokong) rata-ratanya sekadar untuk riadah, bersenam dan sebagai ilmu asas mempertahankan diri."

"Saya perlu ada pendekatan tertentu untuk mengajak mereka, tidak dinafikan ada juga pelajar minat setelah diberi pendedahan serta teknik ajaran yang betul," ulasnya yang mula berjinak dengan sukan judo pada usia 16 tahun.

Bercakap mengenai harapannya terhadap sukan judo, Li Ying berkata bahawa sebagai jurulatih negeri, beliau ingin melihat anak didiknya berjaya ke persada Olimpik dan seterusnya mengharumkan nama negara.

"Mana-mana bidang sukan pun sekiranya ia dipertandingkan pada peringkat Olimpik, pasti menjadi azam kepada semua atlet untuk menjajakan kaki ke sana."

"Namun, usaha ke arah itu bukanlah mudah tambahan pula Malaysia bukan kuasa besar bagi judo pada peringkat dunia."

"Tetapi siapa tahu mungkin ada yang mampu layak setinggi itu dan seterusnya mengharumkan nama Malaysia," katanya menutup bicara.



RAZLAN Rajan Abdullah (berdiri, kiri sekali) merakam gambar kenangan bersama-sama skuad SUKMA Perak 2018 yang berjaya menghadiahkan emas ke-10 kepada kontinjen Pulau Pinang.



YEOH Seng Zoe (depan, kanan sekali) diharap menjadi bintang badminton negara kelak.



SESI wawancara yang diadakan bersama-sama Chew Li Ying (dua dari kiri).



Oleh: AZMI HUSSIN



Nama ADUN	No Tel/ No Faks
N.26 PADANG KOTA YAB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
N.03 PINANG TUNGGAL YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman	(T) 04 - 575 6526 (F) 04 - 575 6526
N.16 PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 383 9131 (F) 04 - 383 9131
N.07 SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my ; pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
N.12 PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlela.ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
N.15 PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028 (F) 04 - 530 3028
N.29 DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh Deo jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
N.37 BATU MAUNG YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain pusatkhidmatn37@gmail.com	(T) 04 - 626 1442 (F) 04 - 626 1442
N.08 BAGAN JERMAL YB Soon Lip Chee	(T) 04 - 331 0163
N.22 TANJONG BUNGA YB Zairil Khir Johari	(T) 04 - 890 3866
N.34 PAYA TERUBONG YB Yeoh Soon Hin	(T) 04 - 827 8868 (F) 04 - 827 8868
N.28 KOMTAR YB Teh Lai Heng komtar@dappg.org	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
N.06 TELOK AYER TAWAR YB Mustafa Kamal mustafakamal.mkba@gmail.com	(T) 04 - 351 1732
N.09 BAGAN DALAM YB Satees A/L Muniandy n9.bagandalam@gmail.com	(T) 04 - 305 4962
N.11 PERMATANG PASIR YB Muhammad Faiz Bin Fadzil faizfadzilamanah@gmail.com	(T) 04 - 521 1106
N.13 BERAPIT YB Heng Lee Lee berapit@dappg.org	(T) 017 - 813 3509 (F) 04 - 540 0006
N.14 MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon klee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
N.17 BUKIT TENGAH YB Gooi Hsiao-Leung gooihsiroleung@penang.gov.my	(T) 04 - 507 5001 (F) 04 - 507 5001
N.18 BUKIT TAMBUN YB Goh Choon Aik	(T) 04 - 502 5818 (F) 04 - 506 2138
N.19 JAWI YB H'ng Mooi Lye jawi@dappg.org	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
N.20 SUNGAI BAKAP YB Dr. Amar Pritpal Abdullah ybadunsungabakap20@gmail.com	(T)
N.23 AIR PUTIH YB Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
N.24 KEBUN BUNGA YB Jason Ong Khan Lee kebunbunga24@gmail.com	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
N.25 PULAU TIKUS YB Lee Chun Kit pulautikuskadun@gmail.com	(T) 04 - 228 5298 016 - 691 2548 016 - 415 2548
N.27 PENGKALAN KOTA YB Gooi Zi Sen pengkalankota@dappg.org	(T) 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
N.30 SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim limsiewkhim@penang.gov.my	(T) 04 - 657 6630 (F) 04 - 658 6630
N.31 BATU LANCANG YB Ong Ah Teong batulancang@dappg.org	(T) 04 - 280 4411 (F) 04 - 280 4422
N.32 SERI DELIMA YB Syerleena Abdul Rashid 32seridelima@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 5611
N.33 AIR ITAM YB Joseph Ng Soon Siang airitam@dappg.org	(T) 04 - 829 9143
N.35 BATU UBAN YB Kumaresan A/L Aramugam kumar.harapan35@gmail.com	(T) 04 - 668 1062 (F) 04 - 668 1062
N.36 PANTAI JEREJAK YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail	(T) 04 - 293 7545 (F) 04 - 293 7545

Nama Adun	No Tel/ No Faks
N.38 BAYAN LEPAS YB Azril Mahathir Aziz ambasegaria.aam@gmail.com	(T) 04 - 649 3976 (F) 04 - 649 3976
N.39 PULAU BETONG YB Haji Mohd. Tuah Ismail	(T) 04 - 866 0214
PENANG CARE SOCIETY	(Hotline) (T) 04 - 291 0123 04 - 642 7777
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115


Nama Adun Pembangkang	No Tel/ No Faks
N.01 PENAGA YB Ustaz Yusni Mat Piah	(T)
N.02 BERTAM YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq	(T) 013 - 430 6400 (P) 04 - 576 7606
N.04 PERMATANG BERANGAN YB Nor Hafizah Othman	
N.05 SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T)
N.10 SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109 (F) 04 - 390 5109
N.21 SUNGAI ACHEH YB Zulkifli Ibrahim r21adunsgacheh@gmail.com	(T)
N.40 TELUK BAHANG YB Zolkifly Md. Lazim	(T)
PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
N.01 PENAGA Aida Yusof Rawa aidarawa54@yahoo.com	(T) 019 - 338 2668
N.04 PERMATANG BERANGAN Mohd. Taupek Abd. Rahman hajifek@gmail.com	(T) 019 - 415 3850
N.05 SUNGAI DUA Muhammad Fitri Termizi fitritermizi@amanah.org.my	(T) 011 - 3112 7702

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999	JPJ	04-656 4131
DIREKTORI TELEFON	103	JABATAN PENDAFTARAN	04-398 8809
OPERATOR ANTARABANGSA	101		04-226 5161
HOTLINE MBPP	04-263 7637	PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-263 1166
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM	04-228 9012	TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI	04-262 1957	FERI (GEORGETOWN)	04-210 2363
PBA (PUSAT PANGGILAN 24 JAM)	04-255 8255	(BUTTERWORTH)	04-310 2377
KASTAM	04-262 2300	JAMBATAN PP	04-398 7419
IMIGRESEN	04-250 3419	STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342	PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK	04-829 4046
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340	CAP	04-829 9511
EPF	04-226 1000	BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161
SOCSCO	04-238 9888	PERPUSTAKAAN PP	04-281 1108 04-229 8555



TIADA PERGERAKAN, TIADA JANGKITAN!



PROGRAM i-SEJAHTERA

Pembayaran secara tunai terpaksa ditangguhkan bagi mengurangkan risiko penularan wabak COVID-19

JOM TUKAR KE EFT!

KEMASKINI MAKLUMAT AKAUN BANK DI LAMAN WEB SISTEM i-SEJAHTERA DAN MUAT NAIK PENYATA AKAUN BANK TERKINI BAGI MEMBOLEHKAN BAYARAN DIBUAT TERUS KE AKAUN

<http://isejahtera.penang.gov.my>


**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBSP 2021**

Nama	Telefon
MBSP	04 - 549 7555
Ahmad Rizal Abd. Hamid	019 - 464 6696
Anuar Yusoff	016 - 461 6390 04 - 507 5390
Chee Yeeh Keen	019 - 455 7731
Cheen Goon Hooi	012 - 402 0923
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397 04 - 399 6689
Fahmi Zainol	018 - 232 2502
Galaimani a/l Subramnian	012 - 534 1384
Harryzan Yaakub	019 - 456 8484
Heng Yeh Shuan	016 - 261 2460
Jason Raj a/l Kirupanantha	014 - 905 8113
Mohd Saifullah Abd. Nasir	013 - 770 1001 013 - 503 3349
Muhammad Suzuki Ahmad	0111 - 1119 4419
Ng Yee Siang	010 - 562 2698
Ngoh Cheng Hai	017 - 979 0933
Noor Azuawati Ahmad	018 - 965 4559
Norly Masitah Mohamed Noor	013 - 582 2503
Ong Jing Cheng	012 - 758 3779 016 - 445 5709
Ooi Boon Sheng	016 - 447 8320
Ooi Yong Wooi	016 - 421 1196
Tan Bee Hong	019 - 458 8321
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Choo Eng	019 - 448 4344 04 - 323 2679
Teh Chuann Yien	010 - 441 7749
Zainuddin Mohamed	012 - 479 4200

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Yeap Choon Keong	Timur Laut	Penyelia Bahagian Kewarganegaraan	013 - 449 0366
2.	K. Velan	Barat Daya	Pejabat Bahagian Kewarganegaraan Pulau Pinang, Tingkat 46, KOMTAR 04 - 650 5105	018 - 394 4537
3.	Lim Zheng Han	Seberang Perai Utara		011 - 1244 7167
4.	K. Nirmala	Seberang Perai Tengah		017 - 572 0272
5.	K. Viknesh Prabu	Seberang Perai Selatan		012 - 693 4786

Nota:

Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBPP 2021**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Abdul Latif Mohamad	012 - 248 5016
Ahmad Azrilal Tahir	019 - 541 4818
Alan Lim Wei Lun	017 - 343 3995
Dr. Shahul Hameed Syed Mohamed	013 - 431 9384
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Haji Mohamed Yusoff Mohamed Noor	019 - 413 8114
Hari Krishnan a/l Ramakrishnan	010 - 505 5571
Harvindar Singh a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Kaliyappan a/l P. Renganathan	012 - 407 7276
Lee Chee How	012 - 470 3389
Lee Kim Noor	04 - 229 8382
Lee Wei Seang	012 - 452 8305
Muhamad Khairul Mohd Ali	012 - 542 0520
Mohd Suhairi Arumugam Abdullah	016 - 521 3369
Nor Afni Md. Yusuff	019 - 547 8460
Quah Boon Lim	017 - 462 2431
Rodziah Abul Khassim	019 - 319 4840
Rohaizat Hamid	019 - 510 0075
Tan Chiew Choon	019 - 470 4499
Tan Hooi Peng	012 - 498 6212
Tan Seng Keat	012 - 438 6191
Tan Soo Siang	012 - 475 2453
Theng Jie Wey	016 - 418 7108
Wong Yuee Harng	016 - 439 9121

**SIDANG REDAKSI
BULETIN MUTIARA**
Penulis:

YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF
NOR ASHIKIN ISMAIL

Jurugambar/Juruvideo:

LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI
MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR

Jurugrafik:
IDZHAM AHMAD
NASRUL AMIR YAHAYA

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Layari

- www.buletinmutiara.com
- [buletinmutiara](#) | [ChowKonYeow](#)
- [chowkonyeow](#)
- [@chowkonyeow](#)



TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627

Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesahkan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 12258 : WAN NUR ZULAIKA BINTI ZAINUDDIN - 96120507**** 8-6-15 HALAMAN DAMAI, LINTANG KAMPUNG RAWA 1, 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 12265 : SITI ZULAIKA BINTI MOHAMED SAPUAN - 92012907**** NO.3778 MUKIM 7, TELUK AYER TAWAR 13050 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 12268 : AHMAD LOOMAN HAKIM BIN AHMAD KHAIRIE - 96031607**** NO.28 TAMAN CITRA, JALAN HUTAN KAMPUNG 05350 ALOR SETAR, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 12279 : ARVIND A/L MURUGAN - 97052835**** 3C-02-03 TAMAN BJ, JALAN RUMBIA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1	: WAN ZARINA BINTI OTHMAN - 69092107**** 8-6-15 HALAMAN DAMAI, LINTANG KAMPUNG RAWA 1, 10150 PULAU PINANG	Penjamin 1	: MOHAMAD NURULNAIM BIN MOHAMED SAPUAN - 85042404**** 2C-10-07 BANDAR BARU AMPANG, JALAN MERDEKA, MERDEKA VILLA 48000 AMPANG, SELANGOR	Penjamin 1	: MIGA WATI BINTI SAARANI - 72070708**** NO.28 TAMAN CITRA FASA 2, HUTAN KAMPUNG 05350 ALOR SETAR, KEDAH	Penjamin 1	: MURUGAN A/L RAMIAH - 69042102**** 3C-02-03 JALAN RUMBIA, TAMAN BUKIT JAMBUL 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2	: SITI KALSUM BINTI OSMAN - 74031107**** NO.29 JALAN SUNGAI AIR PUTIH, BANDAR BARU AIR PUTIH 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG	Penjamin 2	: NOOR SYAHIDA BINTI MOHAMED SAPUAN - 86050304**** NO.3778 MUKIM 7, TELUK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: ROZILAH BINTI SAARANI - 69090908**** NO.70 JALAN BERLIAN 2, TAMAN BERLIAN 34200 PARIT BUNTA, PERAK	Penjamin 2	: SHANGAR A/L RAMANTHACHI - 75073007**** NO.10 JALAN BAGAN 13, TAMAN BAGAN 13400 BUTTERWORTH
No Akaun Peminjam	: 12286 : NAZRI BIN MOHD NOOR - 91103007**** C-9-1 PARK 51 RESIDENCY, JALAN 51A/241, SEKSYEN 51A 46100 PETALING JAYA, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 12297 : RAJA NURFAIN AMEERA BINTI RAJA RADZUAN - 89062607**** NO. 2279 PERSIARAN SUNGAI GELUGOR 2, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 12308 : BADDRUL NISAM BIN IBRAHIM - 78033107**** NO. 12, LORONG SUNGAI DUA UTAMA 3, TAMAN SUNGAI DUA UTAMA 13800 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 12311 : NURUL SAADAH BINTI LATIB - 93020407**** NO.164 KAMPUNG TERUSUN, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1	: MOHD FEIRDAUS BIN MOHD NOOR - 87070235**** 7559 JALAN PERAK 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1	: RAJA RADZUAN B RAJA ABD RASHID - 62111210**** NO. 142 JALAN TAS 1, TAMAN TAS, KUANTAN 25150 PAHANG	Penjamin 1	: ROHANA BINTI MOHD. ISA - 78040310**** NO. 12, LORONG SUNGAI DUA UTAMA 3, TAMAN SUNGAI DUA UTAMA 13800 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: TAUFEEK BIN LATIB - 77062807**** 164 KAMPUNG TERUSUN, SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2	: MOHD NIZAM BIN MOHD NOOR - 84020807**** 7559 JALAN PERAK 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: MUHAMAD IZDHAM B MUSA - 89062507**** TS 4197 PENGKALAN BATU 13300 TASEK GELUGOR, SPU	Penjamin 2	: SOMMAI A/L PROM TONG - 75052402**** 5-3-3 MAWAR APARTMENT, JALAN BUKIT KECIL SATU 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2	: MOHD YUSOFF BIN ISMAIL - (MINGGAL DUNIA) 2-1-2 APARTMENT SERI INTAN , LINTANG BAYAN 4, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 12315 : DHARSHINI A/P B.SUBRAMANIAM - 96040102**** A22 LORONG MERBAU INDAH 4, TAMAN MERBAU INDAH, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 12316 : EVELYN LIM AUN NEE - 94102807**** NO. 28 JALAN JAMBU 1, TAMAN JAMBU 14020 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 12319 : NOORAZHAR BIN MANSOR - 85022207**** NO.8 LORONG DESA SENA 6, TAMAN DESA SENA 13300 TASEK GELUGOR, SPU	No Akaun Peminjam	: 12333 : NURULAIN SYAMIMI BINTI ZAKARIA - 96110707**** NO.834 LORONG 5, TAMAN SERAI SETIA FASA 2, 09400 PADANG SERAI, KEDAH
Penjamin 1	: MAHESVARA A/P THANNIMALAYAN - 72090607**** 1318 TAMAN SERAI WANGI 2, 09400 PADANG SERAI, KEDAH	Penjamin 1	: ANGELINE LIM AUN SHEE - 92042107**** 28 JALAN JAMBU 1, TAMAN JAMBU 14020 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: NURHASNIZA BINTI JALIL - 87091535**** NO. 8 LORONG DESA SENA 6, TAMAN DESA SENA 13300 TASEK GELUGOR, SPU	Penjamin 1	: MUHAMAD NAIM BIN ZAKARIA - 93012607**** NO.834 LORONG 5, TAMAN SERAI SETIA 2, 09400 PADANG SERAI, KEDAH
Penjamin 2	: M SEGGERAN A/L MUNILANDY - 68010607**** 1318 TAMAN SERAI WANGI 2, 09400 PADANG SERAI, KEDAH	Penjamin 2	: LIM MEI KIM - 84122707**** 17 LORONG MEKAR DUA, TAMAN MEKAR 13400 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: NOORAZIRA BINTI MANSOR - 82012107**** TS 5112, MK 3, KAMPUNG PELET, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: ALIF BIN SOHFIAN - 91081407**** 6-16-10 JALAN GANGSA, GREENLANE HEIGHT, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 12342 : KHALIS ISMA-ALIF BIN ISMAIL - 94011507**** 5-13-2 LENGGOK FREE SCHOOL, HALAMAN KRISTAL 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 12343 : MUHAMMAD NURAIEMAN AQIL BIN EMRAN - 97040607**** NO.1413 TAMAN MELATI, TELOK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 12346 : MUHAMMAD HANIF BIN AHMAD TALHAH - 96121007**** NO.2R-3-1 , QUARTERS POLIS 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 12349 : NUR ZAKIRAH BINTI AHMAD ZAHRI - 97031438**** A-2-11 JALAN SUNGAI TIRAM 6, TAMAN TUNAS DAMAI 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1	: KHAIRIL ISMADY BIN ISMAIL - 84042007**** NO 35 LALUAN TRONOH JAYA 5, DESA TRONOH JAYA 31750 TRONOH, PERAK	Penjamin 1	: EMRAN BIN HASSAN - 76011901**** NO.1413 TAMAN MELATI 13050 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: RASNAH BINTI ARIFFIN - 68060508**** NO.1 LORONG TANJUNG 5, TAMAN DESA TANJUNG MURNI 31200 CHEMOR, PERAK	Penjamin 1	: NUR ZARIFAH BINTI AHMAD ZAHRI - 88021138**** A-2-11 JALAN SUNGAI TIRAM 6, TAMAN TUNAS DAMAI 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2	: SAIFUL NIZAM BIN ISMAIL - 83031402**** NO 35 LALUAN TRONOH JAYA 5, DESA TRONOH JAYA 31750 TRONOH, PERAK	Penjamin 2	: ZAINUDDIN BIN HJ AHMAD - 66072002**** 1762, TAMAN GURU, TANAH LIAT 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: ZALINA BINTI ARIFFIN - 71012908**** 11-9-1 HALAMAN CENDANA PRSM , MAYANG PASIR 8, 11500 BAYAN BARU, PULAU PINANG	Penjamin 2	: ZABIDAH BINTI ABD RAHMAN - 64051806**** A-2-11, JALAN SUNGAI TIRAM 6, TAMAN TUNAS DAMAI 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 12356 : NURUL FATIN RAIHAN BT MOHD PUAD - 91060907**** 188 LALUAN BUNGA RAYA 2, KAMPUNG TERUSUN BATU 8, 31150 ULU KINTA, PERAK	No Akaun Peminjam	: 12361 : ROSANIDAWATI BINTI HARON - 94063014**** BLOCK F LEVEL 2, 2F, FLAT TAMAN MULIA, JALAN BUDIMAN 10, 56000 BANDAR TUN RAZAK, KUALA LUMPUR	No Akaun Peminjam	: 12367 : MOHAMAD NASIR B NOOR AZEMY - 82120907**** NO.1667 KAMPUNG CHANGKAT 14300 NIBONG TEBAL, SPS	No Akaun Peminjam	: 12372 : MOHAMMAD KHAIRUL ANWAR BIN MOHD ZAMRI - 93030407**** NO. 8963, PADANG TEMBUSU 13100 PENAGA, SPS
Penjamin 1	: ROKIAH BINTI BAKAR - 66061608**** 188 LALUAN BUNGA RAYA 2, KAMPUNG TERUSUN BATU 8, 31150 ULU KINTA, PERAK	Penjamin 1	: MOHAMMAD FALAKHUDDIN BIN HARON - 90122508**** 828 A MUKIM 9 KAMPUNG MATAHARI NAIK, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG	Penjamin 1	: MUTMAINNAH BT AHMAD FOAD - 84040308**** NO.14 LINTANG ILMU 5, TAMAN ILMU 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 1	: SARINA BINTI AHMAD - 72032007**** NO. 148 LORONG RAMBAI 2/3, TAMAN RAMBAI 09600 KULIM, KEDAH
Penjamin 2	: MOHD RAIMI FAKHIR MOHD PUAD - 88060326**** B-2-2, CASA TROPICANA, JLN PERSIARAN TROPICANA, TROPICANA GOLF & COUNTRY RESORT 47410 PETALING JAYA, SELANGOR	Penjamin 2	: FAUZIAH BINTI HARON - 83122208**** 828 A MUKIM 9 KAMPUNG MATAHARI NAIK, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG	Penjamin 2	: ZULHAIMI BIN MOHAMED - 75031802**** 6-1-8 PANGSAPIRI IDAMAN, TAMAN PAUH 13600 PERAI	Penjamin 2	: ANIZAN BIN DAUD - 83013102**** KAMPUNG HUTAN PUTUS, MUKIM PENGKALAN KUNDOR 06800 KUALA KEDAH, KEDAH
No Akaun Peminjam	: 12377 : MOHD HIFZHUDDIN BIN NOR AZMAN - 92109090**** 19 LORONG 20/SS1, BANDAR TASEK MUTIARA 14200 SIMPANG AMPAT, SPS	No Akaun Peminjam	: 12381 : NUR AIN SYAHMINA BINTI OTHMAN - 96080208**** NO.2031 TINGKAT 1, BLOK CERIA, INSTITUT PERGURUAN TUANKU BAINUN 14400 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 12382 : SYAZWANI BINTI SAIDIN - 93030607**** NO.39 MUKIM 4, KAMPUNG PERTAMA 13500 PERMATANG PAUH	No Akaun Peminjam	: 12387 : NURUL IMAN BINTI AHMAD FAISAL - 90022207**** B1-10-03 SAVANNA JALAN BBLS 2, BANDAR BARU LEMBAH SELATAN 43800 DENGKIL, SELANGOR
Penjamin 1	: NOR AZMAN BIN YAAKOB - 67022202**** 19 LORONG 20/SS1, BANDAR TASEK MUTIARA 14200 SIMPANG AMPAT, SPS	Penjamin 1	: OTHMAN BIN CHE MAN - 64041308**** 2031 TINGKAT 1 BLOK CERIA , IPG KAMPUS TUANKU BAINUN 14400 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: SHABARIAH BINTI SAIDIN - 68091607**** 39 MUKIM 4 KAMPUNG PERTAMA 13500 PERMATANG PAUH	Penjamin 1	: NADIA FITRIAH BINTI AHMAD FAISAL - 85092326**** NO.4366 MUKIM 11, JALAN KEBUN SIREH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2	: MUHAMAD HELMI BIN HASSAN - 92103107**** 28 LORONG 5/SS3, BANDAR TASEK MUTIARA 14200 SIMPANG AMPAT, SPS	Penjamin 2	: ALYES BIN ARIFF - 61060207**** 1695 KG ALMA 14400 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: SHAHRIL BIN SAIDIN - 81033107**** NO. 992, 2/6 PERSIARAN UTAMA, TAMAN KULIM UTAMA 09000 KULIM HI-TECH PARK, KEDAH	Penjamin 2	: NAJAH FARAHIN BINTI AHMAD FAISAL - 79012302**** NO.2550 KILOMETER 2, JALAN PADANG NYU 02600 ARAU, PERLIS
No Akaun Peminjam	: 12395 : NURUL ATHIRAH BINTI ABDUL AZIZ - 93081207**** NO.1771 JALAN KAMPUNG BINJAI, CHEROK TO KUN ATAS 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 12398 : MUHAMMAD FARIS BIN ZAINURDIN - 97111007**** 1001 MUKIM 3 PENGKALAN TAMBANG, PERMATANG PASIR 13500 PERMATANG PAUH	No Akaun Peminjam	: 12404 : NURSYAZWANI BINTI MD. NAZAR - 95080407**** G-10 KUARTERS POLITEKNIK SEBERANG PERAI, JALAN PERMATANG PAUH 13500 PERMATANG PAUH	No Akaun Peminjam	: 12407 : ELLI AIMAN BINTI MOHD NASIR - 93101207**** 1672 LORONG MASJID, PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS
Penjamin 1	: ABDUL AZIZ BIN OTHMAN - 66042807**** NO.1771 JALAN KAMPUNG BINJAI, CHEROK TO KUN ATAS 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: MOHAMMAD FADZLI BIN ZAINURDIN - 87090335**** L7 TINGKAT 1 NO.8, JALAN PENGGAWA, BANDAR MAHKOTA CHERAS 43200 SELANGOR	Penjamin 1	: ZUFIDA NOR BINTI HUSNIN @ ASMUNI - 6910108**** G-10, KUARTERS POLITEKNIK SEBERANG PERAI, JALAN PERMATANG PAUH 13500 PERMATANG PAUH	Penjamin 1	: MOHD NASIR BIN ISHAK - 60061202**** 1672 LORONG MASJID , PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2	: NURUL ATIQAH BT ABD AZIZ - 91042606**** D-1-15 BLK D, APT BANGI IDAMAN, JALAN 5C/5, BANGI IDAMAN SEK 5, 43650 BANGI, SELANGOR	Penjamin 2	: NURJASHA HANIS BINTI ZAINURDIN - 90072007**** 1001 MUKIM 3 PENGKALAN TAMBANG, PERMATANG PASIR 13500 PERMATANG PAUH	Penjamin 2	: HIDAYATUN NOR BINTI HUSNIN @ ASMUNI - 81010108**** NO.62 RANCANGAN PERUMAHAN AWAM, ULU KINTA 31150 PERAK	Penjamin 2	: MOHD NAZRI BIN DAUD - 78020407**** 10389 LORONG MASJID, PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SPU
No Akaun Peminjam	: 12421 : NUR IMAN KAMARIAH BINTI HASHIM - 96050607**** 1022 PERMATANG TINGGI C 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 12424 : NOORSYATIRAH BT OTHAMAN - 95071607**** 1641 KAMPUNG TOK BEDU 13300 TASEK GELUGOR, SPU	No Akaun Peminjam	: 12426 : NURSYAHIRAH BINTI SULAIMAN - 97100535**** 74 LORONG SERI ACHEH 1, TAMAN SERI ACHEH 14300 NIBONG TEBAL, SPU	No Akaun Peminjam	: 12431 : MOHAMAD IZZAT BIN MOHAMAD - 96101807**** NO. 3 LORONG LIMONIA 18, BERTAM PERDANA 2, 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1	: HASHIM BIN REJAB - 62032807**** 1022 PERMATANG TINGGI C 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1	: NOORMALA BINTI ZAINAL ABIDIN - 62081508**** 1641 KAMPUNG TOK BEDU 13300 TASEK GELUGOR, SPU	Penjamin 1	: FOUZIAH BT OSMAN - 65060702**** NO.74 LORONG SERI ACHEH 1, TAMAN SERI ACHEH 14300 NIBONG TEBAL, SPU	Penjamin 1	: MOHAMAD BIN K.A. RAZAK - 61042007**** NO. 3 LORONG LIMONIA 16, BERTAM PERDANA 2, 13200 KEPALA BATAS, SPU
No Akaun Peminjam	: 12457 : KEO KHENG SOON - 95072407**** 20-5-6 TINGKAT PAYA TERUBONG 2, AYER ITAM, 11060 GEORGETOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 12458 : KINERSH A/L GOPALAKRISHNAN - 97052707**** NO.9 JALAN TIRAM 3, TAMAN TIRAM 09600 LUNAS, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 12459 : KIRUTIGGA A/P MUTHU - 94030907**** NO.26 LORONG 16, TAMAN MERAK 14100 SIMPANG AMPAT, SPS	No Akaun Peminjam	: 12461 : IRFAN BASYIR BIN JOHARI - 95021207**** TBP 3909 MK 15 KAMPUNG BARU, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1	: NG SINGEE - 90100607**** NO.43 LORONG KURAU 27, TAMAN CHAI LENG 13700 PERAI	Penjamin 1	: GOPALAKRISHNAN A/L BALAKRISHNAN - 69042402**** NO.94 JALAN TIRAM 3, TAMAN TIRAM, LUNAS 09600 KEDAH	Penjamin 1	: MALIGA A/P NARAYANASAMY - 66081007**** NO.26 LORONG 16, TAMAN MERAK 14100 SIMPANG AMPAT, SPS	Penjamin 1	: JOHARI BIN SAHAD - 63053007**** TBP 3909, MUKIM 15, KAMPUNG BARU, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM



TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 12471 : JASLINE A/P VEAGULAM - 91011907**** 1-18-18 JALAN VERTENARY, GEORGETOWN 10150 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 12478 : CHEAH YEE THING - 94121407**** NO.851 UNIT 2, MUKIM 6, PONDOK UPEH 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 12480 : CHONG LEE FUNG - 83061307**** 750 C LINTANG PONDOK UPEH, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 12486 : RAIHAN BINTI OTHAMAN - 94021614**** 1719 KAMPUNG AMAN 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1	: ELINA A/P VEAGULAM - 88110407**** 1-18-18 JALAN VERTENARY 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 1	: CHEAH YEE CHOOI - 92103107**** 851 UNIT 2, MUKIM 6, PONDOK UPEH, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG	Penjamin 1	: ENG CHUN LEONG - 84090707**** 750-C LINTANG PONDOK UPEH 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG	Penjamin 1	: NAIZAH BT MD NOR - 63112707**** 1719 KAMPUNG AMAN 13200 KEPALA BATAS, SPU
No Akaun Peminjam	: 12489 : LOCK WEI JIANG - 94051107**** NO.260 JALAN CEMPAKA 1, SELAMA 09810 KEDAH	No Akaun Peminjam	: 12493 : WALLACE LEE TIAN ZHU - 96011407**** NO.14 JALAN TERATAI 3, TAMAN TERATAI, BAGAN LALANG 13400 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 12498 : EZZAH DALILA BT SUBRI - 95080402**** 1600 SIMPANG EMPAT, PERMATANG BULOH 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 12499 : ZURINA BINTI ISMAIL - 78061907**** NO.22 TINGKAT DAMAI SATU, TAMAN PERMATA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1	: LAW MUN HOONG - 66091002**** 100 JALAN PERMAI JAYA 3/3, TAMAN PERMAI JAYA 34100 SELAMA, PERAK	Penjamin 1	: LEE HUP KOON - 64042802**** 130' TAMAN LAM SUN, ALOR SETAR 05200 KEDAH	Penjamin 1	: SUBRI BIN TALIB - 65052507**** 1600 SIMPANG EMPAT, PERMATANG BULOH 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1	: DR. ZUHAILA ISMAIL - 82112607**** NO. 2 JALAN UTAMA 23, TAMAN MUTIARA RINI 81300 SKUDAI, JOHOR
No Akaun Peminjam	: 12505 : ABDUL AZIM BIN ABD KADIR - 91060807**** NO.5785 MUKIM 16, JALAN GAJAH MATI, MACHANG BUBUK 14020 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 12508 : EDWARD RAJA/L MANOGARAN - 96122807**** NO.25 LORONG KESUMBA 3, TAMAN KESUMBA 14200 SUNGAI BAKAP, SPS	No Akaun Peminjam	: 12514 : ANNIE KHOR KHAI CHING - 95092207**** NO.490 BLOK H, MUKIM 12, JALAN BATU MAUNG 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 12515 : AFIQAH BINTI ABDULLAH - 96100713**** NO.313, JALAN BERAPIT 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1	: ABDUL KADIR BIN WAHAB - 63051907**** NO.5785 MUKIM 16, MACHANG BUBOK 14020 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: CAALVIN A/L SOOSAY - 86081235**** NO.1199 LADANG VALDOR 14200 SUNGAI BAKAP, SPS	Penjamin 1	: KHOR EWE CHEN - 64031307**** 357 MUKIM 12, BLOK H, JALAN BATU MAUNG 11960 PULAU PINANG	Penjamin 1	: ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN - 64071171**** NO.313 JALAN BERAPIT 14000 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam	: 12520 : AMERUL ADLI BIN ABD AZIZ - 98101802**** NO.1685 KUARTERS GURU, SMKA AL-IRSHAD 13220 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 12522 : AZIZAH BINTI AHMAD - 86072335**** 60-9-12 PINANG COURT 2, LEBUH SUNGAI PINANG 1, 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 12522 : SALASIAH BINTI ZAKARIA - 76041102**** 60-08-16 PINANG COURT 2, LEBUH SUNGAI PINANG 1, 11600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 12522 : SALASIAH BINTI ZAKARIA - 76041102**** 60-08-16 PINANG COURT 2, LEBUH SUNGAI PINANG 1, 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1	: ABD. AZIZ BIN OTHMAN - 65121108**** NO.1685 KUARTERS GURU, SMKA AL-IRSHAD 13220 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1		Penjamin 1		Penjamin 1	



RUMAH TERES 2 TINGKAT

Lot Biasa Luas Tanah: ± 22' x 70' | Luas Tanah: ± 22' x 45'
Harga: RM544,000 - RM707,000

KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT

Lot Biasa Luas Tanah: ± 20' x 70' | Luas Tanah: ± 20' x 63'
Harga: RM550,000 - RM923,000

RUMAH TERES 1 TINGKAT

Jenis A Luas Tanah: ± 22' x 65' | Luas Tanah: ± 22' x 45'
Harga: RM371,000 - RM582,000

Jenis B Luas Tanah: ± 22' x 65' | Luas Tanah: ± 22' x 45'
Harga: RM371,000 - RM582,000



HAKMILIK KEKAL

• • •

D' Halona Place adalah peningkatan daripada kehidupan biasa kerana ia memenuhi keperluan asas sebuah kediaman menerusi reka bentuk terperinci dan fungsinya. Terletak di daerah tenang Tasek Gelugor, ia adalah kediaman sederhana cukup mewah yang menawarkan kesenangan sederhana untuk dinikmati oleh anda sekeluarga.



PAVILION EVERISE SDN. BHD. 1073290-K

Lot 20084 Jalan Kubang Menerong, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang.

FAKS: +604-646 7932 E-MEL: info@dhalonaplace.com.my

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Pemaju: PAVILION EVERISE SDN. BHD. I No. Syarikat: 1073290-K I No. lesen Pemaju: 20068-1/03-2023/0200 (L) I Tempoh Sah: dari 11/03/2021 hingga 10/03/2023 I No. Permit Iklan & Jualan: 20068-1/03-2023/0200 (P) I Tempoh Sah: dari 11/03/2021 hingga 10/03/2023 I Tarikh dijangka siap: Mar 2023 I Hak Milik Kekal I Pelan diluluskan oleh: Majlis Bandaraya Seberang Perai I Pajakan Tanah: CIMB Bank Berhad I No. Kelulusan Pelan Bangunan: MBSP/40/20-12/28 I Bilangan Unit: 23 unit Rumah Teres 2 Tingkat / 301 unit Rumah Teres 1 Tingkat I HARGA: (Rumah Teres 2 Tingkat) RM516,000 (Min.) - RM698,000 (Maks.) / (Rumah Teres 1 Tingkat) RM371,000 (Min.) - RM582,000 (Maks.) : 5% Diskaun untuk Bumiputera

Pemaju: PAVILION EVERISE SDN. BHD. I No. Syarikat: 1073290-K I No. lesen Pemaju: 20068-2/11-2023/0807 (L) I Tempoh Sah: 12/11/2021 hingga 11/11/2023 I No. Permit Iklan & Jualan: 20068-2/11-2023/0807 (P) I Tempoh Sah: 12/11/2021 hingga 11/11/2023 I Tarikh dijangka siap: Nov 2023 I Hakmilik kekal I Pelan diluluskan oleh: Majlis Bandaraya Seberang Perai I Pajakan Tanah: CIMB Bank Berhad I No. Kelulusan Pelan Bangunan: MBSP/40/20-12/28 I Bilangan Unit: 16 unit Rumah Teres 2 Tingkat / 209 unit Rumah Teres 1 Tingkat I HARGA: (Rumah Teres 2 Tingkat) RM 544,000 (Min.) - RM 707,000 (Maks.) / (Rumah Teres 1 Tingkat) RM 382,000 (Min.) - RM 575,000 (Maks.) : 5% Diskaun untuk Bumiputera

1700 818 365

www.dhalonaplace.com.my



Giat bangunkan Aplikasi First Support Point

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

PENGKALAN KOTA - Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan meneruskan penganjuran Kempen Penang Goes Orange (PGO) dalam membentuk kesedaran kepada masyarakat umum terhadap isu keganasan domestik membabitkan golongan wanita dan kanak-kanak.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, sejak penganjuran Kempen PGO pada tahun 2014, pihaknya komited untuk terus membawa mesej supaya masyarakat sedar dan dapat

membantu mangsa keganasan domestik dalam mendapatkan pertolongan yang diperlukan.

"Isu keganasan rumah tangga bukan satu isu kesihatan keluarga sahaja tetapi juga melibatkan masyarakat umum yang mana kesannya akan menjadikan masyarakat secara keseluruhan."

"Oleh itu, Kerajaan Negeri akan meneruskan Kempen PGO ini demi membentuk masyarakat dan keluarga yang sihat serta harmoni," ujarnya pada penganjuran Kempen PGO 2021 anjuran Jawatankuasa Pembangunan Wanita

dan Keluarga (JPWK) Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Padang Kota serta Pengkalan Kota dekat Taman Kejiran Macallum di sini pada 27 November 2021.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut menyediakan Khidmat Sokongan Pertama atau '*First Support Point*' yang bertujuan memberi kemudahan kepada mangsa keganasan mendapatkan pertolongan.

"Kini, pihak Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dengan kerjasama Pusat Sistem Maklumat Geografi Pulau Pinang (Pusat PEGIS) giat membangunkan aplikasi yang bakal dikenali sebagai Aplikasi First Support Point."

"(Dan) melalui aplikasi ini, ia bukan sahaja akan memudahkan mangsa mendapatkan pertolongan malah juga membolehkan mangsa atau orang awam mengenal pasti lokasi '*First Support Point*' berdekatan kawasan masing-masing," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Tanjong.

Sebar luas peranan, bantuan zakat ke pelosok negeri



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (tiga dari kiri) bersama-sama Sahibus Samahah Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor (dua dari kanan) dan Amran Hazali (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima pada Majlis Pelancaran Bulan Zakat Pulau Pinang 2021 di sini baru-baru ini.

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

SERI DELIMA - Sistem zakat dalam Islam berupaya menggalakkan aliran kekayaan dalam ekonomi bagi membantu golongan memerlukan, kata Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.

Menurut beliau, menerusi sistem tersebut, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) melalui agensinya iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) dapat merangka satu mekanisme sesuai bagi membantu para asnaf memperoleh manfaat daripada limpahan kekayaan yang ada dalam masyarakat.

"Hasilnya, dalam jangka masa panjang, golongan asnaf ini akan menjadi lebih berdikari dan secara tidak langsung bakal mengurangkan pergantungan mereka terhadap institusi zakat pada masa hadapan.

"Dalam konteks ini, suka saya berkongsi kisah Saidina Ali yang pernah menasihati gabenor supaya mengamalkan skim-skim berguna bagi mereka yang terlibat dalam perdagangan dan perindustrian serta membantu mereka dengan nasihat bijaksana.

"Justeru, saya melihat objektif yang ditetapkan dalam penganjuran bulan zakat peringkat negeri Pulau Pinang adalah menepati saranan Saidina Ali iaitu supaya menyebarluaskan peranan zakat sehingga maklumat mengenai skim-skim agihan zakat sampai ke pelosok negeri Pulau Pinang,

malah ke ceruk bandar serta ceruk kampung sekalipun," ujarnya pada Majlis Pelancaran Bulan Zakat Pulau Pinang 2021 dekat Masjid Jamek Sungai Gelugor di sini 25 November lalu.

Hadir sama, Mufti Pulau Pinang, Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor dan Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Amran Hazali.

Mengulas lanjut, Ahmad Zakiyuddin yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti memaklumkan bahawa melalui pembayaran zakat juga, ia mampu membantu golongan terkesan terutama akibat pandemik COVID-19.

"Golongan terjejas dapat dibantu melalui skim agihan zakat yang berkesan bagi meneruskan kelangsungan hidup mereka dengan sempurna dan membina kembali sosioekonomi ummah yang mampan serta berdaya saing.

"Antara program yang menarik perhatian saya ialah Majlis Bantuan Khas COVID-19 kepada Penerima Bantuan ZPP berjumlah RM1.9 juta, Majlis Penyerahan Bantuan Dermasiswa Pengajian dan Saguhati Guru Agama, Majlis Penyerahan Bantuan Mangsa Banjir di Yan Kedah dan aktiviti-aktiviti dakwah serta keilmuan zakat yang sangat penting untuk disampaikan kepada umat Islam di Pulau Pinang," jelas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal itu.

Astaka Tanjung Bungah, kompleks makanan awam pertama lengkap GBI

TANJONG BUNGA - Astaka Tanjung Bungah yang dimajukan semula serta dijangka siap pada pertengahan tahun 2022 mungkin merupakan kompleks makanan awam pertama negara yang dilengkapi elemen indeks bangunan hijau (GBI).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa sejumlah RM3.5 juta diperuntukkan bagi membina semula astaka tersebut dengan reka bentuk terkini demi menyerlahkan lagi daya tarikan dalam kalangan pengunjung tempatan serta asing ke sini.

"Saya memohon maaf andai berlaku kelewatkan projek pembangunan semula astaka ini (yang disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)).

"Tetapi, akhirnya Astaka Tanjung Bungah akan menjadi kemegahan untuk meneruskan perkhidmatan kepada penduduk serta pelancong di sekitar kawasan ini," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi dalam Majlis Pelancaran Projek Pembangunan Semula Astaka Tanjung Bungah di sini pada 27 November 2021.

Menurut Kon Yeow, pentadbirannya boleh untuk membelanjakan kira-kira RM1 juta sahaja dengan hanya membaik pulih struktur astaka sedia ada yang hangus

dijilat api sebelum ini, tetapi memilih untuk berbelanja lebih mengikut impian penduduk lokal yang mahukan astaka tersebut menjadi satu lagi tarikan pelancongan pada masa depan.

Tambah beliau, projek pemajuan semula astaka tersebut dimulakan pada 1 Disember 2021 serta akan mengambil masa kira-kira enam bulan sebelum beroperasi semula.

Sebelum itu, Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari memberitahu bahawa reka bentuk astaka baharu turut akan dilengkapi kemudahan tambahan seperti surau, bilik pejabat serta fasiliti mesra orang kurang upaya (OKU).

Dalam perkembangan berkaitan, beliau turut memberitahu bahawa Astaka Tanjung Bungah asalnya dimajukan oleh Kerajaan Persekutuan serta tidak diselenggara baik selama 30 tahun, sebelum diambil alih oleh Kerajaan Negeri pasca Pilihan Raya Umum Ke-14, Mei 2018.

Difahamkan, dalam reka bentuk baharu Astaka Tanjung Bungah bakal menyediakan 40 ruang gerai berbanding bilangan asal (33).

"Peniaga asal akan diberi keutamaan untuk penawaran gerai selepas projek disiapkan kelak," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bungah.



ILUSTRASI Astaka Tanjung Bungah yang bakal dibangunkan semula dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2022.



Kampung Contoh lokasi tarikan pelancongan baru Seberang Perai

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

TELUK AIR TAWAR – Kampung Contoh yang terletak di pesisiran pantai Bagan Ajam berpotensi untuk dikembangkan sebagai Kampung Pelancongan Pulau Pinang bagi kawasan Seberang Perai.

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin berkata bahawa pemilihan Kampung Contoh adalah ekoran pelbagai tarikan yang ada di kawasan tersebut terutamanya landskap alam semula jadinya yang sangat menarik.

“Saya melihat Kampung Contoh sangat berpotensi untuk dikembangkan sebagai kawasan pelancongan kerana ia mempunyai pantai yang cantik untuk rekreasi keluarga sambil menikmati pemandangan indah.

“Saya yakin tempat ini bakal menjadi lokasi tumpuan orang ramai selepas ini, terutamanya apabila gambar-gambar serta rakaman video di kampung ini muncul di media sosial seperti laman *Facebook*, *Instagram*, *Tiktok* dan sebagainya.

“Oleh itu, kita harap kampung ini dapat dimajukan sebagai tarikan bukan sahaja untuk penduduk tempatan malah dari luar Pulau Pinang dan juga antarabangsa,” katanya ketika merasmikan program Pengindahan dan Keceriaan Kampung Contoh dekat Bagan Ajam di sini pada 21 November 2021.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Air Tawar, Dato’ Mustafa Kamal Ahmad; ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Tan Chee Teong; Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Anuar Omar; Pengerusi Persatuan Nelayan, Unit Bagan Ajam, Mazlan Abdul; Pengerusi Surau Taman Tun Dr. Awang, Mazlan Md. Hussain serta Pengerusi Persatuan Penduduk Bagan Lebai Tahir, Ismail Yusoff.

Terdapat beberapa kemudahan disediakan bagi kemudahan pengunjung seperti gazebo (pondok rehat) yang dibina di sepanjang pesisir pantai untuk pengunjung beristirahat.

Selain itu, turut disediakan ialah papan tanda untuk bergambar, buaian dan kerusi-kerusi rehat pelbagai warna untuk kemudahan pengunjung selain gerai-gerai jualan makanan dan minuman.

Lebih istimewa, di Kampung Contoh juga terletak beberapa perusahaan produk hasil laut yang diusahakan oleh penduduk tempatan seperti ikan masin dan belacan.

Mengulas lanjut, Soon Hin menyuruh penduduk tempatan agar mengusahakan sendiri jualan makanan, minuman dan sebagainya untuk meningkatkan taraf sosioekonomi mereka melalui aktiviti pelancongan.

“Ini kerana, untuk membangunkan pelancongan, saya percaya dan berpegang kepada prinsip bahawa sebarang pembangunan pelancongan mestilah membawa manfaat kepada penduduk setempat.

“Jadi, kita mahu nelayan yang tangkap ikan boleh menjadikan hasil laut mereka sebagai produk tempatan yang masyhur serta mampu menarik kehadiran orang ramai ke sini.

“Inilah rancangan jangka panjang Kerajaan Negeri untuk membantu penduduk tempatan sekali gus memajukan komuniti di negeri ini,” ujarnya.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri juga telah melancarkan Pelan Induk Pelancongan Negeri Pulau Pinang tahun 2021 hingga 2030 yang menitikberatkan pembangunan pelancongan di kawasan Seberang Perai.

“Kampung Contoh adalah satu inisiatif daripada pelan ini yang dilaksanakan oleh Pejabat Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif (PETACE) dengan usaha sama ADUN Teluk Air Tawar, YB Mustafa Kamal Ahmad dan Pengerusi MPKK, Anuar Omar.

“Bagi tahun-tahun akan datang, kita hendak pembangunan seimbang di bahagian pulau dan Seberang Perai kerana kita akui di sini (Seberang Perai) mempunyai banyak tempat berpotensi untuk pelancongan.

“Seberang Perai mempunyai pantai yang cantik serta bersih, dan ini merupakan salah satu produk yang kita akan pertimbangkan selain membangunkan lokasi-lokasi yang dikenal pasti sebagai



YEOH Soon Hin (dua dari kanan), Mustafa Kamal Ahmad (bertoppi), Goh Choon Aik (tiga dari kanan) dan Anuar Omar (kanan sekali) merakam gambar kenangan berlatarbelakangkan gazebo di pesisiran pantai Kampung Contoh di sini baru-baru ini.

tarikan pelancong,” ulasnya.

Selaras dengan kempen ‘Pelancongan Bertanggungjawab’ yang dilancarkan oleh PETACE, Soon Hin turut berharap agar semua pihak dapat mematuhi garis panduan pencegahan wabak COVID-19 untuk mengelakkan berlakunya perebakan.

“Bukan itu sahaja, saya juga berharap agar orang ramai dapat mengamalkan sikap bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan dan keindahan kampung ini untuk membolehkan ia kekal sebagai tapak pelancongan menarik,” serunya.

Sementara itu, Mustafa Kamal memaklumkan bahawa sebanyak lapan tapak kendera saji akan disediakan di Kampung Contoh untuk merancakkan lagi

aktiviti perniagaan di kawasan tersebut.

“Lapan tapak kendera saji ini dijangka siap pada Mac 2022 sekali gus akan menjadikan ia sebagai tarikan pelancongan kerana kawasan ini merupakan satu-satunya kawasan yang mempunyai pantai terpelihara.

“Kita juga akan menyediakan pasar tani di sebelah kompleks makanan (Kompleks Makanan Taman Tun Dr. Awang) di sini yang akan dikendalikan oleh pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

“Saya percaya, usaha-usaha yang kita lakukan ini dapat menarik lebih ramai pelancong untuk datang ke sini dan seterusnya mewujudkan peluang ekonomi kepada penduduk tempatan,” ujarnya.

Pupuk kesedaran plastik sekali guna

SEBERANG JAYA - Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato’ Sr. Rozali Mohamud memberitahu bahawa kira-kira 28 peratus kadar kitar semula di Malaysia yang dicatatkan kini adalah masih rendah berbanding negara maju serantau.

Sehubungan itu, beliau berharap inisiatif pentadbirannya menganjurkan pertandingan video pendek kempen berkaitan pada peringkat sekolah menengah bukan sahaja bakal menggalakkan generasi muda berkongsi idea dengan masyarakat, malah juga memupuk kesedaran tentang plastik sekali guna.

“Kajian pada tahun 2019 oleh World Wide Fund for Nature (WWF) menunjukkan bahawa Malaysia menduduki tempat kedua di Asia sebagai pengguna plastik per kapita tahunan iaitu 16.78 kilogram(kg) setiap orang (yang mana) mengatasi negara-negara lain termasuk (Republik Rakyat) China, Indonesia, Filipina, Thailand dan Vietnam berdasarkan keseluruhan sisa yang dihasilkan.

“Dengan lebih 1,300 pengeluar plastik, Malaysia juga merupakan salah satu industri pengeluar plastik terbesar di dunia.



PHEE Boon Poh (dua dari kiri) dan Sr. Rozali Mohamud (kiri sekali) mengadakan perbincangan dengan para pemenang sejurus Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Video ‘Single Use Plastic’ Peringkat Sekolah Menengah 2021 di sini baru-baru ini.

“Jumlah kadar kitar semula di Malaysia meningkat setiap tahun (yang mana) kadarnya masih rendah berbanding negara-negara maju lain iaitu 28 peratus, ini diburukkan lagi dengan proses dan keupayaan kitar semula yang terhad di Malaysia,” jelasnya dalam Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Video ‘Single Use Plastic’ Peringkat Sekolah Menengah 2021 di sini 23 November 2021.

Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, Phee Boon Poh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu hadir sebagai tetamu kehormat untuk menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Di samping itu, Rozali turut memberitahu bahawa The United Nations Environment Programme

(UNEP) mendedahkan bahawa plastik sekali guna seperti beg runcit, bekas, botol dan penyedut minuman sering dibuat dalam tahun ia dihasilkan, dan dianggarkan terdapat 12,000 juta tan metrik sisa plastik di bumi menjelang tahun 2050 sekiranya trend semasa dalam penggunaan plastik berterusan.

Johan pertandingan pada kali ini adalah Chong Ai Thung dan Lim Jin Hui dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seberang Jaya; diikuti Naib Johan, Ho Jia Yi (SMK Tengku Abdul Rahman) dan tempat ketiga, Thor Rui En (Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Chung Ling Butterworth).

Dua hadiah saguhati pertandingan masing-masing dimenangi pelajar SMK Datuk Onn dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Al-Irsyad.

PAC bantu PKS kekal berdaya saing

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
 Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

GEORGE TOWN – Keutuhan sektor perindustrian di Pulau Pinang tidak hanya disumbangkan oleh syarikat multinasional sebaliknya turut melibatkan penglibatan dan sumbangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa berbekalkan reputasi sebagai Lembah Silikon Timur, Pulau Pinang menjadi pangkalan pembuatan terpenting bagi produk berkaitan elektrik dan elektronik (E&E) di Malaysia.

“Malah, Pulau Pinang juga merupakan antara hab E&E paling rancak di seluruh dunia merangkumi anggaran lima peratus eksport semikonduktor global,” ujarnya pada sidang media sejurus melawat Penang Automation Cluster Sdn. Bhd. (PAC) di sini 20 November lalu.

Hadir sama, Penasihat Khas (Pelaburan) kepada Ketua Menteri, Dato’ Seri Lee Kah Choon.

PAC merupakan hab sehenti rantaian bekalan komponen logam dengan usaha sama (diperbadankan) kilang terkemuka di Batu Kawan seperti *ViTrox*; Pentamaster Corporation Berhad dan Walta Engineering Berhad baru-baru ini. Difahamkan bahawa pihak berkaitan juga mempunyai perancangan untuk membangunkan Fasa 2 kelak.



Sebagai rekod, pada tahun 2020, eksport Pulau Pinang melepas paras RM300 bilion iaitu pada kedudukan RM310 bilion (USD\$77 bilion) merangkumi 82 peratus yang disumbangkan oleh sektor E&E, profesional, instrumen saintifik dan kawalan serta peranti perubatan.

Pulau Pinang turut dilaporkan menjana RM110 bilion (USD\$27 bilion) lebihan dagangan pada tahun 2020 mewakili 60 peratus daripada jumlah keseluruhan negara sekali gus menunjukkan daya tahan dalam mengharungi kitaran perindustrian.

terus mengukuhkan kelebihan dan kedudukan dalam sektor berkaitan untuk tahun-tahun mendatang.

“Saya percaya Pulau Pinang berada pada trajektori yang sesuai kini untuk merealisasikan matlamat pembangunan negeri,” katanya sambil menyifatkan sektor perindustrian serta pembuatan di negeri ini berkembang dengan sangat baik terutamanya dari segi kepakaran dan jenis produk yang mampu diterajui kini.

Terdahulu, Kon Yeow mengumumkan bahawa Pulau Pinang bakal meraikan ulang tahun ke-50 perjalanan pengindustrian tahun hadapan.

“Saya ingin menyatakan penghargaan kepada semua pemain dan penggiat industri serta keyakinan berterusan yang diberikan terhadap negeri ini.

“Perbadanan Pembangunan Negeri Pulau Pinang (PDC) dan *InvestPenang* akan mengaturkan beberapa siri acara selama setahun untuk sambutan ulang tahun tersebut.

“Sambutan ini juga bersempena dengan dua acara global yang bakal berlangsung di Pulau Pinang iaitu *SEMICON Southeast Asia (SEA) 2022* dan *World Congress Information Technology (WCIT) 2022*.

“Turut mengambil bahagian bekerjasama dengan PDC dan *InvestPenang* adalah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP),” jelasnya.

Dalam sidang media sama, Kon Yeow yang merupakan Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi memberitahu media bahawa kewujudan PAC adalah sangat penting.

“PAC membawa masuk pembekal dalam kalangan PKS sebagai usaha meningkatkan daya saing melalui inovasi dengan penggunaan teknologi bagi menyokong syarikat-syarikat tempatan dan MNC yang mana turut menjadi teras penyumbang sektor terpenting di Pulau Pinang.

“(Dan) melalui ekosistem yang mampan, saya yakin Pulau Pinang akan

Hab baru NI jangka siap April, sedia peluang kerja nilai tinggi

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow baru-baru ini hadir menyempurnakan permulaan kerja-kerja pembinaan hab pengedaran rantaian bekalan baharu NI Malaysia Sdn. Bhd. (NI) di tapak projek bersebelahan kilang sedia ada di Bayan Lepas.

Ketika berucap, Kon Yeow menzahirkan rasa gembira apabila permulaan kerja-kerja projek pembesaran menjadi realiti setelah tertangguh dua kali akibat pandemik COVID-19.

“Hab terbaharu ini akan berfungsi sebagai hab pengedaran rantaian bekalan produk NI bagi memenuhi keperluan Revolusi Industri 4.0, pembangunan teknologi semikonduktor generasi kelima (5G) dan pasaran automasi kenderaan.

“Hab ini dijangka siap menjelang April 2022 dan bakal mewujudkan 250 peluang pekerjaan bernilai tinggi di Pulau Pinang,” ujarnya sambil menzahirkan ucapan tahniah pada majlis berkaitan di sini pada 13 November 2021.

Hadir sama, Pengarah Urusan NI, Selvam Chinappan yang juga Pengarah Kanan Asia-Pasifik (APAC) Manufacturing; Penasihat Khas (Pelaburan) Ketua Menteri, Dato’ Seri Lee Kah Choon; Ketua Pegawai Eksekutif InvestPenang, Dato’ Loo Lee Lian dan Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato’ Ar. Yew Tung Seang.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Promosi & Pemudahcara) Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), S.R. Sivasuriyamoorthy; Pengarah MIDA Pulau Pinang, Muhammad Ghaddaffi Sardar;

Pengarah Penang Science Cluster, Yoon Chon Leong; Ketua Impak Korporat NI, Noor Azian Abd. Wahab dan Presiden Kumpulan BGY, Ben Yeoh antara yang turut serta dalam majlis berkaitan.

Dalam pada itu, Selvam yakin dengan pembinaan hab baharu berkenaan, NI dapat mengukuhkan lagi jejak pembuatan global.

“Faktor utama pelaburan kami di Malaysia adalah kemudahan dalam menjalankan perniagaan dan ini (projek pembesaran) adalah buktinya.

“Disebabkan penularan COVID-19, rancangan pembinaan tertangguh dan kami ingin mengucapkan terima kasih kepada *InvestPenang* dan Datuk Bandar atas bantuan yang diberikan.

“Walaupun tapak kilang NI tidak berada dalam kawasan Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas, namun kesediaan kerjasama dan sokongan yang diberikan sangat baik,” katanya.

Sivasuriyamoorthy yang mewakili Ketua Pegawai Eksekutif MIDA, Datuk Arham Abdul Rahman mengucapkan tahniah kepada NI atas komitmennya untuk melebarkan sayap di Pulau Pinang dan Malaysia.

“Sebagai sebuah syarikat Fortune 500 terkenal, keputusan syarikat NI untuk terus memanfaatkan Malaysia sebagai pangkalan operasinya menggambarkan bahawa sektor pembuatan dalam negara adalah amat berdaya saing serta kekal sebagai tunjang utama ekonomi negara.

“Selama bertahun-tahun, kehadiran NI di Pulau Pinang telah mewujudkan limpahan yang besar untuk

industri tempatan khasnya dalam industri elektrik dan elektronik,” zahirnya.

Dahulunya, syarikat multinasional terkemuka dari Amerika Syarikat ini dikenali sebagai *National Instruments* telah mengumumkan suntikan pelaburan berjumlah USD\$40 juta atau bersamaan RM170 juta bagi projek pembesaran fasiliti tersebut pada November 2019.

Selain Pulau Pinang, syarikat yang menyediakan perisian dan sistem pengukuran automasi ini juga mempunyai pusat operasi di lebih 50 buah negara dan beribu pejabat di Austin, Texas.

Dalam perkembangan berasingan itu, Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi memberitahu bahawa NI turut menyumbang sebanyak RM1 juta bagi Program *Penang Future Foundation Scholarship* dan RM150,000 untuk *Penang Science Cluster* tahun lalu.

“Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada NI kerana menjadi contoh dalam menjalankan tanggungjawab sosial korporat.

“(Dan) hari ini, NI mengumumkan sumbangan sebanyak RM830,000 kepada *Penang Science Cluster* untuk tempoh empat tahun bagi membayai *Girls in Engineering and Tech (GET) Programme* selepas berjaya menyiapkan projek perintisnya tahun ini.

“Dedikasi NI untuk mencipta impak yang positif ke arah kumpulan bakat di Pulau Pinang sememangnya menjadi contoh dalam industri,” tambahnya.